



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

R4ALL



AGENDA KERJA
KOMUNITI
RUKUN TETANGGA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Hak Cipta Terpelihara.

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan / atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.

Diterbitkan oleh :

Kementerian Perpaduan Negara
Blok 9, Parcel F,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya

Tel : +603-8091 8000

Tahun 2021



“Kita semua rakyat Malaysia. Ini adalah satu ikatan yang sentiasa menyatukan kita. Hendaklah kita sentiasa ingat bahawa perpaduan adalah asas kekuatan kita sebagai rakyat dan sebagai satu negara”

**Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia
(31 Ogos 1957 - 22 September 1970)**

Perpaduan di negara kita adalah unik dan dinamik. Rakyat daripada pelbagai kaum dan etnik yang berbeza sosio-budaya, agama, adat resam, bahasa dan wilayah dapat hidup dalam suasana aman damai, harmoni berteraskan kepada persefahaman, penghayatan kepada Perlembagaan Persekutuan serta menjadikan Rukun Negara sebagai teras budaya dan gaya hidup.

Kita harus bersatu memikul tanggungjawab untuk memperkuuhkan semangat dan jati diri sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keharmonian. Semangat cintakan negara perlulah mendahului semua agenda lain, apatah lagi perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan masyarakat di negara kita.

Dalam mendepani cabaran semasa, kepimpinan komuniti Rukun Tetangga perlulah berfikir ke hadapan dan mengoptimumkan peranannya untuk memastikan matlamat perpaduan negara tercapai.

**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
BIN HAJI MOHD. YASSIN**
PERDANA MENTERI MALAYSIA





“Perpaduan tidak memberi erti kalau sekadar lafaz kata-kata semata. Perpaduan tidak wujud hanya dengan disuruh-suruh dan diseru-seru. Perpaduan harus diwujudkan atas kepentingan rakyat dan bukan kepentingan suatu pihak atau golongan saja”

Dato' Dr. Usman Awang
Sasterawan Negara

Perpaduan merupakan satu nikmat yang sangat indah. Menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara dan membinanya. Kita mungkin berbeza warna kulit, tetapi punya warna hati yang sama. Kita mungkin berbeza makanan tradisi, tapi punya selera yang sama. Kita mungkin berbeza kepercayaan, tapi mempunyai wawasan yang sama. Menyedari kepentingan Rukun Tetangga sebagai tonggak perpaduan komuniti, Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga ini akan menjadi rujukan gerak kerja yang lebih kemas dan tersusun kepada kepimpinan Rukun Tetangga.

**DATUK HALIMAH
BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**





Rukun Tetangga merupakan organisasi penting dan utama yang banyak membantu Kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Adalah amat penting untuk kita memastikan supaya pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga dipilih dalam kalangan individu-individu yang mempunyai nilai-nilai murni, berkaliber dan berwibawa supaya Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga mencapai objektifnya.

SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER
TIMBALAN
MENTERI PERPADUAN NEGARA

Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga akan memberi impak positif kepada kehidupan masyarakat yang kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan norma baharu. Sehubungan itu, sokongan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pelaksanaan agenda ini akan memperkuatkan lagi usaha Kementerian Perpaduan Negara ke arah membina komuniti yang harmoni dan sejahtera.

**DATUK WAN SURAYA
WAN MD RADZI**
**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**





Jabatan akan melaksanakan satu anjakan paradigma di mana Rukun Tetangga akan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program-program yang lebih memberi kesan dan impak yang besar kepada kumpulan sasar, serta mengurangkan pelaksanaan program-program yang kurang efektif dan tidak sejajar impaknya kepada kos pelaksanaan. Justeru, Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga yang dihasilkan ini merupakan rangka kerja yang berfokuskan kepada pendekatan berdasarkan keberhasilan dalam pelaksanaan program-program untuk kumpulan sasar.

**TUAN HJ ABD HALIM BIN HASSAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**

Lagu Rukun Tetangga

Komuniti Sejahtera Bersama

Bersatu semua menjaga perpaduan negara kita, Malaysia
Saling membantu bekerjasama perkasakan komuniti, negara

Itulah semangat, kejiraninan mulia
Bersama sepakat kita, berjaya

Kita berbilang bangsa
Hormat menghormati
Raikan kepelbagaian sesama kita

Korus:

Ayuh semua, mari kita jayakan.. oooo
Rukun Tetangga, tingkatkan perpaduan.. oooo
Sejahtera bersama, demi Malaysia

Ayuh semua, mari kita jayakan oooo...
Rukun Tetangga, tingkatkan perpaduan oooo...
Sejahtera bersama, demi Malaysia

Gubahan Lagu Baharu 2021



Rancangan ini mempunyai hikmah yang besar dalam konteks pembangunan negara yang mana rakyat sendiri memainkan peranan yang utama mengawal keamanan dan menjaga keselamatan.

Dalam ertikata yang luas, Rukun Tetangga ini merupakan usaha positif memupuk perasaan tanggungjawab menanam perasaan muhibbah serta menjamin perpaduan rakyat

Petikan ucapan Tun Abdul Razak semasa pelancaran program Rukun Tetangga
di Kampung Kasipillay pada 29 Ogos 1975

KANDUNGAN

SEJARAH RUKUN TETANGGA	2
FUNGSI DAN PERANAN RUKUN TETANGGA	4
PERUBAHAN KONSEP RUKUN TETANGGA	5
PENJENAMAAN BAHARU KAWASAN RUKUN TETANGGA	6
AGENDA KERJA KOMUNITI RUKUN TETANGGA (RT4ALL)	6
GERAK KERJA KOMUNITI RT SEJAHTERA	7
GERAK KERJA KOMUNITI RT SELAMAT	55
GERAK KERJA KOMUNITI RT BERSIH DAN INDAH	135
GERAK KERJA KOMUNITI RT SIHAT	153

Sejarah —

Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Skim ini telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada 29 Ogos 1975 dalam Sektor Rukun Tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.

Pada peringkat awalnya, Skim Rukun Tetangga ini berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Skim ini merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka berikutan dengan beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada waktu itu. Dengan itu, tumpuan telah diberi kepada tugas rondaan yang diwajibkan kepada penduduk yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang menetap dalam kawasan Sektor Rukun Tetangga.



Pelancaran sektor pertama Rukun Tetangga di Kasipillay menjadi titik tolak kepada pembentukan sektor lain di seluruh Negara (29 Ogos 1975)

Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga berkonsepkan semangat kejiranian untuk memperkuatkukan perpaduan di kalangan komuniti setempat. Pelaksanaan skim ini dibuat mengikut 3 kategori iaitu Kawasan Rukun Tetangga, Sektor Pendaftaran, Sektor Keselamatan dan undang-undang berkaitan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah pun dipinda bagi tujuan tersebut. Skim ini telah diperluaskan ke negeri Sabah 1985 dan ke negeri Sarawak pada tahun 1988.

Pada tahun 2001, Kerajaan telah memperkenalkan konsep pembangunan komuniti kepada Rukun Tetangga. Konsep ini bertujuan memperkasakan komuniti untuk berhadapan dengan cabaran dan perubahan gaya hidup semasa.

Seiring perubahan semasa, Model Transformasi Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 2010. Model ini berpaksikan kepada lima (5) teras utama iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup melalui pelaksanaan program dan aktiviti Rukun Tetangga.

Berdasarkan keperluan semasa, Ordinan Darurat telah dimansuhkan pada tahun 2011. Satu undang-undang telah digubal dan dinamakan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) berkuatkuasa pada 22 Jun 2012. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti.

Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) diletakkan sebagai salah satu agensi di bawah kementerian ini.

Sebagai sebuah kementerian yang baharu, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Bagi menterjemahkan pelaksanaan kedua-dua dokumen tersebut, maka Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021–2030 dirangka untuk dijadikan sebagai dokumen hala tuju strategik Rukun Tetangga di seluruh Malaysia.

FUNGSI DAN PERANAN RUKUN TETANGGA (Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012) [Akta 751]




a

untuk menjalankan apa-apa akitiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebijakan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat;




b

untuk menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam Kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada Pengarah;



c

untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;



d

untuk menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat; dan



e

untuk menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

PERUBAHAN KONSEP RUKUN TETANGGA

1975

1

KONSEP KESELAMATAN

Rondaan wajib ke atas penduduk berusia di antara 18 hingga 55 tahun

1984

2

KONSEP KEJIRANAN

Meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan setempat

2001

3

PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pembelajaran sepanjang hayat dalam aspek yang menyeluruh

2010

4

MODEL TRANSFORMASI RUKUN TETANGGA

Perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan kualiti hidup

10 MAC 2020
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5

- DASAR PERPADUAN NEGARA
- RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) PERPADUAN NEGARA 2021-2030

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA

Gerak Kerja KRT Sejahtera, Selamat, Bersih dan Indah, Sihat

PENJENAMAAN BAHARU KAWASAN RUKUN TETANGGA



Gerak Kerja KRT Sejahtera

Memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup



Gerak Kerja KRT Selamat

Menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti



Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah

Memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti



Gerak Kerja KRT Sihat

Memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat



GERAK KERJA KRT SEJAHTERA



GERAK KERJA KRT SEJAHTERA

PENGENALAN

Gerak Kerja KRT Sejahtera memfokuskan kepada matlamat kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat. Sebagai barisan hadapan dalam komuniti, Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (AJKRT) perlu mempunyai maklumat kependudukan dalam kawasan komuniti masing-masing untuk mengenalpasti penduduk yang mudah terjejas disebabkan oleh faktor-faktor yang boleh mengurangkan kualiti hidup mereka.

OBJEKTIF

Objektif Gerak Kerja KRT Sejahtera adalah untuk menyediakan program-program yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat yang mana ia menasarkan komuniti secara inklusif tanpa mengira latar belakang dan memastikan tiada golongan yang terpinggir dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan Rukun Tetangga.



1. PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA

PENGENALAN

Projek Ekonomi Rukun Tetangga bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan kepada komuniti dan membantu isi rumah meningkatkan pendapatan keluarga disamping memberikan impak positif kepada perpaduan komuniti. Selain itu, hasilnya dapat dinikmati oleh masyarakat setempat dan juga dipasarkan kepada komuniti di luar Kawasan Rukun Tetangga. Projek Ekonomi Rukun Tetangga yang diwujudkan di Kawasan Rukun Tetangga adalah berdasarkan kepada potensi yang ada di lokasi tersebut dan ianya dibahagikan kepada 3 skala iaitu kecil, sederhana dan besar.




OBJEKTIF

Antara objektif pelaksanaan Projek Ekonomi Rukun Tetangga adalah:



KAEDAH PELAKSANAAN

Dalam melaksanakan Projek Ekonomi Rukun Tetangga, langkah pertama yang perlu diambil adalah dengan mengenalpasti komuniti yang berminat, mengenalpasti projek yang sesuai dan memberi pulangan yang baik serta modal yang diperlukan dalam melaksanakan projek. Langkah kedua adalah dengan menambah ilmu, motivasi dan kemahiran dalam projek yang diceburi. Langkah ketiga adalah memasarkan produk yang dihasilkan.



KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

Dalam menghasilkan produk yang menguntungkan, pasukan projek hendaklah memastikan kebolehpasaran produk yang akan dihasilkan.

Projek yang berpotensi untuk berkembang dengan maju dan mampu memenuhi keperluan pasaran

Projek yang diusahakan oleh komuniti atau projek individu yang boleh dilaksanakan secara usahasama dengan komuniti dan memberi pulangan yang lumayan

Projek ekonomi yang mampu untuk menjana pendapatan individu, komuniti, negara dan memberi peluang pekerjaan kepada komuniti

LATIHAN DAN MOTIVASI

Latihan dan kemahiran sangat diperlukan dalam memastikan projek yang dilaksanakan berjalan dengan baik dan memberikan pulangan yang lumayan. Justeru, pasukan projek perlu mendapatkan ilmu, latihan, kemahiran dan sumber kewangan dari agensi yang bersesuaian seperti berikut.

KURSUS KEMAHIRAN

CONTOHNYA

- KOLEJ KOMUNITI UNTUK KEMAHIRAN JAHITAN, MASAKAN, ELEKTRONIK SERVIS KENDERAAN

KURSUS PENTERNAKAN, PERTANIAN

CONTOHNYA

- JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
- JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

BANTUAN PEMBIAYAAN

CONTOHNYA

- MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
- TEKUN NASIONAL

PASARAN

CONTOHNYA

- FAMA
- KURSUS MEMASARKAN PRODUK

KAEDAH PENGURUSAN PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA

01

JANUARI

Penerimaan Kertas Cadangan Projek Ekonomi RT

03

MAC

Penyaluran peruntukan untuk pelaksanaan Projek Ekonomi RT

05

JULAI - SEPTEMBER

Lawatan Penilaian Projek

02

FEBRUARI

Mesyuarat Pemilihan oleh Jawatankuasa Penilaian Projek Ekonomi

04

JUN

Penerimaan laporan Pemantauan oleh Perpaduan Negeri

06

OKTOBER

Penerimaan Laporan Pemantauan oleh Perpaduan Negeri

PELAPORAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

Projek Ekonomi Rukun Tetangga yang dilaksanakan perlu dipantau oleh pegawai penyelia dan dilaporkan kemajuannya untuk setiap suku tahun sebelum 10hb seperti berikut :

Suku tahun pertama pada bulan Januari

Suku tahun ketiga pada bulan Julai



Suku tahun kedua pada bulan April

Suku tahun keempat pada bulan September

JAWATANKUASA PELAKSANA PROJEK

Bagi tujuan membincangkan segala isu, masalah, cabaran, keberkesanan pelaksanaan dan memantau Projek Ekonomi Rukun Tetangga, mesyuarat Jawatankuasa di peringkat negeri diadakan sebanyak 3 kali setahun. Laporan mesyuarat dimajukan ke Ibu Pejabat untuk tujuan rekod dan pemantauan :

Keanggotaan Jawatankuasa :



JAWATAN	KEANGGOTAAN
Pengerusi	Pengarah Perpaduan Negeri
Setiausaha	Pegawai Penyelaras Negeri
Ahli	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian • Pegawai Penyelia Projek Ekonomi Rukun Tetangga • Pengerusi KRT lokasi Projek Ekonomi Rukun Tetangga • Agensi Kerajaan Yang Terlibat Dalam Projek Ekonomi RT • Syarikat Swasta • Pertubuhan Bukan Kerajaan • Lain-lain pihak yang dirasakan perlu

PELAPORAN PROJEK EKONOMI RT

Pelaporan Projek Ekonomi RT hendaklah disediakan untuk melihat perkembangan Projek Ekonomi RT yang telah diusahakan. Berikut merupakan pelaporan yang perlu disediakan pasukan projek dan pelaporan ini hendaklah dilaksanakan melalui Sistem Maklumat Perpaduan dan salinan laporan hendaklah disimpan di dalam fail.

Ringkasan Projek

Lampiran P.Eko 1

RINGKASAN PROFIL PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA BAHARU
TAHUN NEGERI

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Daerah	
2.	Nama KRT	
3.	Nama Projek Ekonomi	
4.	Penerangan ringkas mengenai projek	
5.	Status pelaksanaan (sila tandakan ✓)	a. Belum dilaksanakan <input type="checkbox"/> b. Sedang dilaksanakan <input type="checkbox"/>
6.	Skala projek (semasa) (sila tandakan ✓)	a. Kecil Pendapatan RM1000 ke bawah <input type="checkbox"/> b. Sederhana Pendapatan RM1000 – RM3000 <input type="checkbox"/> c. Besar Pendapatan RM3000 ke atas <input type="checkbox"/>
7.	Skala projek (sasaran masa hadapan) (sila tandakan ✓)	a. Kecil Pendapatan RM1000 ke bawah <input type="checkbox"/> b. Sederhana Pendapatan RM1000 – RM3000 <input type="checkbox"/> c. Besar Pendapatan RM3000 ke atas <input type="checkbox"/>
8.	Jaringan kerjasama dan jenis bantuan yang diterima	
9.	Peserta projek dan bilangan peserta yang terlibat (Sila nyatakan sama ada AJKRT, Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Usia Emas, Tunas Jiran, Terbuka)	
10.	Tahun mula projek	
11.	Impak kepada komuniti	

Maklumat Projek Ekonomi Rukun Tetangga

LAPORAN MAKLUMAT PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA
BULAN/TAHUN:
NEGERI:

BIL	DAERAH	NAMA KRT	ANJURAN CAWANGAN			KATEGORI PROJEK						SKALA PROJEK		JARINGAN KERJASAMA DALAM PELAKSANAAN PROJEK			STATUS PELAKSANAAN		STATUS PROJEK					
			JAWATANKUSA INDUK	JIRAN WANITA	JIRAN MUDA	JIRAN USA EMAS	PRODUK MAKANAN	PRODUK BUGAN MAKANAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	PENTERNAKAN	KRAFTAGAN	JUMLAH	KECIL	SEDERHANA	BESAR	AGENSI KERAJAAN	SWASTA	NGO	BELUM DILAKUKAN	SEDANG DILAKUKAN	AKTIF	SEDERHANA AKTIF	TIDAK AKTIF
JUMLAH																								

Laporan Pelaksanaan Projek Ekonomi Rukun Tetangga

Lampiran P.Eko 2

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA

Bil	Negeri	Daerah	KRT	Nama Projek	Tahun Mula Projek	Perbelanjaan Projek (bulanan)	Peserta Projek	Pendapatan hasil projek (bulanan)	Keuntungan / Kerugian Projek	Cabaran
							Nama :			

Laporan Kemajuan Projek Ekonomi Rukun Tetangga

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA

Negeri : _____

Daerah : _____

Nama KRT : _____

Nama Projek : _____

1. Produk/Makanan

2. Perkhidmatan

3. Pernakan

4. Pertanian

5. Kraftangan

Cabaran Peruntukan [list cabaran (ekonomi)]

Diterima : _____

(Jabatan)

Tahun Mula : _____

Projek

Tarikh

kemaskini : _____


Bil	Perkara	Senarai Nama	Pendapatan hasil dari projek
1	Peserta i. Pasukan Pelaksana Projek		
2	Prestasi Kewangan - Perbelanjaan - Pendapatan hasil projek - Jumlah Sumbangan kepada Tabung Rukun Tetangga (RM / %)		

2. PROGRAM KANTA KOMUNITI

PENGENALAN

Program Kanta Komuniti adalah penjenamaan semula bagi Program Sayangi Komuniti yang telah diperkenalkan sejak tahun 2011. Nama ‘Kanta Komuniti’ diperkenalkan pada tahun 2021 supaya ianya lebih bersesuaian dengan matlamat program iaitu mengenalpasti isu dan keperluan dalam kawasan komuniti dan mengerakkan AJKRT supaya lebih proaktif dalam mengambil tindakan terhadap isu tersebut.

Program ini dilaksanakan di kawasan *hotspot* berisiko tinggi yang dikenalpasti kerap berlaku gejala sosial seperti pecah rumah, gengsterism dan aktiviti salah laku nilai-nilai sosial yang lain. Tumpuan pemilihan kawasan adalah seperti berikut:



OBJEKTIF

Pelaksanaannya bertujuan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat setempat melalui fungsi Rukun Tetangga dengan jaringan kerjasama dan penglibatan agensi yang lain.



KAEDAH

Program Kanta Komuniti dilaksanakan berdasarkan isu yang di kenalpasti di dalam komuniti. Kebiasaan kaedah terbaik untuk mengenalpasti isu adalah melalui dialog sosial, bincangan dan temubual kepada masyarakat setempat.

Antara aktiviti untuk menyelesaikan isu adalah mediasi komuniti, intervensi, khidmat sosial dan program kebajikan.

KONSEP PROGRAM



3S (SELAMAT, SELESA, SEJAHTERA)

Program ini menekankan tiga bidang utama iaitu 3S (Selamat, Selesa dan Sejahtera) yang melibatkan bidang kesihatan, kebajikan, keagamaan, keselamatan, sosial, pendidikan sepanjang hayat, pembangunan wanita serta khidmat masyarakat. Ia turut menekankan keperluan dalam memberi kesedaran betapa perlunya keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan kesejahteraan dan semangat perpaduan dikekalkan di kawasan kediaman dan penempatan penduduk.



LATIHAN

Latihan pengurusan dan pentadbiran Program Kanta Komuniti diberikan secara bersiri kepada pegawai-pegawai yang mengurus dan melaksanakan program. Pemimpin tempatan yang terlibat dalam pengurusan Program Kanta Komuniti juga turut diberikan latihan yang sama. Pelaksanaan latihan tersebut bertujuan memberi kefahaman, peningkatan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan peserta dalam mengendali dan melaksanakan Program Kanta Komuniti.

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROGRAM

Perkara berikut perlu diambil kira bagi proses Pelaksanaan Program Kanta Komuniti.



01

Pendampingan = Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga perlu menyelesaikan isu dan masalah serta memahami keperluan dalam komuniti yang boleh membawa kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan

02

Intervensi = Kaedah intervensi perlu dalam mencungkil permasalahan yang dihadapi oleh komuniti. Analisis kajian kes, pemerhatian, maklum balas, temu bual, dan sesi dialog sangat efektif dalam melaksanakan sesuatu intervensi dalam komuniti

03

Komuniti perlu mengenal pasti isu masalah = Keperluan yang perlu diteliti satu persatu. Tindakan yang tepat serta cara penyelesaian yang baik perlu difikirkan oleh komuniti. Pegawai Penyelaras melalui kepimpinan Kawasan Rukun Tetangga yang terlibat perlu:

1. Mengemaskini Profil lokasi Program Kanta Komuniti
2. Menyenaraikan isu / masalah / keperluan serta tindakan dalam format yang disediakan di LAMPIRAN 1

MODEL KONSEP DAN PROSES KERJA

Berdasarkan model konsep di bawah, pelaksanaan Program Kanta Komuniti adalah berpaksikan kepada penyelesaian isu-isu yang berlaku dalam kawasan komuniti melalui jaringan strategik pelbagai agensi yang berkaitan. Kaedah yang digunakan dalam menyenaraikan isu-isu adalah melalui dialog sosial, temubual dan pemerhatian. Penyenaraian isu disediakan dengan menggunakan inventori permasalahan rakyat.

Antara isu yang sering berlaku dalam kawasan komuniti adalah isu kemiskinan bandar, keselamatan, penagihan dan pengedaran dadah, jenayah, kesihatan, infrastruktur, sosial dan integrasi. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai Jawatankuasa Pelaksana menjadi perantara atau pemudahcara kepada agensi-agensi berkaitan dalam menyelesaikan isu dan keperluan yang diketengahkan oleh masyarakat.



PELAKSANAAN AKTIVITI KANTA KOMUNITI

Melalui Program Kanta Komuniti, pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan berasesuaian dengan isu dan keperluan dalam kawasan komuniti.

Salah satu aktiviti penting di dalam Program Kanta Komuniti adalah menangani masalah yang dihadapi oleh golongan miskin melalui kaedah berikut:

- i) Mengenal pasti golongan miskin dalam komuniti yang berstatus warganegara
- ii) Membantu golongan miskin mendaftar di dalam sistem e-Kasih
- iii) Menghubungi agensi pemberi bantuan seperti berikut:
 - a) Cawangan Kemiskinan Bandar, Bahagian Kesejahteraan Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mendapatkan maklumat bantuan-bantuan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).
 - b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
 - c) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)
 - d) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
 - e) Amanah Ikhtiar Malaysia AIM

Dalam mengenalpasti golongan miskin yang layak diberi bantuan, AJKRT perlu memastikan bahawa:

- i) Ketua isi rumah (KIR) yang dikenalpasti sebaik-baiknya belum pernah menerima bantuan dari agensi kerajaan serta memenuhi syarat-syarat kelayakan.
- ii) Ketua isi rumah (KIR) dalam e-Kasih / disahkan dalam mesyuarat *Focus Group* peringkat negeri / daerah.

PROSES KERJA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM

Pelaksanaan proses kerja di setiap peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

CARTA 1 :

Proses kerja Program Kanta Komuniti Di Peringkat Keurusetiaan Induk/Ibu Pejabat



CARTA 2 :**Proses Kerja Program Kanta Komuniti Di Peringkat Negeri/Daerah/Bahagian****01**

TERIMA ARAHAN PELAKSANAAN

02MENYEDIA DAN MENGHANTAR PROFIL
LOKASI PROGRAM KANTA KOMUNITI**03**MEWUJUDKAN INVENTORI ISU/
MASALAH KOMUNITI DI LOKASI**04**MESYUARAT JK INDUK PROGRAM KANTA
KOMUNITI (MIN 3 KALI SETAHUN)**05**PELAKSANAAN AKTIVITI DI BAWAH
PROGRAM KANTA KOMUNITI BERDASARKAN
ISU/MASALAH KOMUNITI DI LOKASI**06**

PEMANTAUAN DAN PENAZIRAN

07MENYEDIA DAN MENGHANTAR
LAPORAN KE IBU PEJABAT

Keahlian Jawatankuasa Induk Program Kanta Komuniti Peringkat Daerah

JAWATAN	KEANGGOTAAN
Pengerusi	Pegawai Perpaduan Daerah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Ahli - ahli	<p>1. Penolong Pegawai Perpaduan Daerah 2. Pegawai Lokasi PPK</p> <p>Jabatan / Agensi Kerajaan atau Swasta (yang terlibat secara langsung dengan Program Kanta Komuniti).</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Ibu Pejabat Polis Daerah 2. Jabatan Pendidikan Daerah 3. Pihak Berkuasa Tempatan 4. Jabatan Pembangunan Wanita 5. Pejabat Kesihatan Daerah 6. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) 7. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 8. Jabatan Hal Ehwal Ekonomi 9. Pejabat Pertanian Daerah 10. Jabatan Pengangkutan Jalan 11. Jabatan Belia dan Sukan 12. Jabatan Kebajikan Masyarakat 13. Jabatan Alam Sekitar 14. Jabatan Imigresen Malaysia 15. Pengerusi Rukun Tetangga yang terlibat Program Kanta Komuniti <p>(Jawatankuasa boleh menambah bilangan keahlian atau mengundang mana-mana individu atau agensi yang difikirkan sesuai bagi membantu menjayakan jika perlu)</p>
Setiausaha	Pegawai Penyelaras PPK Daerah

Keahlian Jawatankuasa Pelaksana Program Kanta Komuniti Peringkat Rukun Tetangga

JAWATAN	KEANGGOTAAN
Pengerusi	Pengerusi Kawasan Rukun
Ahli - ahli	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pengerusi Jiran Wanita 2. Pengerusi Jiran Muda 3. Pengerusi Jiran Usia Emas 4. Pengerusi Tunas Jiran 5. Biro - biro di bawah agenda kerja sejahtera
Setiausaha	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pengerusi Persatuan Penduduk 2. Pengerusi MPKK / JKKK 3. Pengerusi - pengerusi NGO <p>(lain - lain NGO yang difikirkan perlu)</p>
Tujuan	Mengenalpasti isu, masalah, keperluan kawasan komuniti dan membawa ke peringkat Jawatankuasa Kerja Program Kanta Komuniti Peringkat Daerah

Borang Laporan Isu Dan Masalah Di Lokasi PKK

LAMPIRAN 1

BORANG LAPORAN ISU DAN MASALAH DI LOKASI PKK

Negeri

Daerah

Lokasi PSK

Kluster Isu dan Masalah

Bilangan yang terlibat

Bilangan Yang Terlibat Mengikut
Kaum:

KAUM	BIL	JANTINA	BIL	UMUR	BIL
				7- 12 tahun	
				13 - 17	
				18 - 25	
				26 - 35	
				35 - 45	
				46-55	
				56 ke atas	

Tindakan Penyelesaian oleh :

- i) Jawatankuasa Pelaksana PKK Peringkat
Daerah :

- ii) Jawatankuasa Pelaksana PKK Peringkat
Negeri :

Agenzi yang terlibat :

Status Isu / Masalah :

Selesai

Belum Selesai Sepenuhnya

Belum Selesai

Jika belum selesai, nyatakan
status :

LAMPIRAN PKK B40**PROFIL DAN MAKLUMAT
LOKASI B40 MENGIKUT NEGERI****1) NAMA DAN ALAMAT PENUH LOKASI**

NEGERI : _____
 DAERAH : _____
 PARLIMEN : _____
 DUN : _____
 MUKIM : _____

2) JENIS KEDIAMAN

BIL.	JENIS RUMAH	SILA TANDA ✓
1.	RUMAH PERKAMPUNGAN/PERSENDIRIAN	
2.	FLAT/RUMAH PANGSA	
3.	RUMAH TERES KOS RENDAH	
4.	GABUNGAN JENIS PERUMAHAN	

3) KOMPOSISI PENDUDUK

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	MELAYU		
2.	CINA		
3.	INDIA		
5.	BUMIPUTRA SABAH		
6.	BUMIPUTRA SARAWAK		
7.	LAIN-LAIN(SILA NYATAKAN)		
	<hr/>		
	JUMLAH		

4) BIL. RUMAH DAN PECAHAN MENGIKUT KAUM

BIL.	KAUM	BIL. UNIT RUMAH	% BIL.
1.	MELAYU		
2.	CINA		
3.	INDIA		
4.	BUMIPUTRA SABAH		

5.	BUMIPUTRA SARAWAK		
6.	LAIN-LAIN(SILA NYATAKAN) _____		
	JUMLAH		

#BIL. BLOK BANGUNAN : (sekiranya berkaitan)

5) RISIKO LOKASI (*Hotspot/Blackspot*)

BIL.	NAMA AGENSI	JENIS RISIKO	ISU/KES

6) SEJARAH DAN LATAR BELAKANG LOKASI

7) KELEBIHAN LOKASI

(Infrastruktur, persekitaran & '*maintenance*', hubungan sosial dan kejiraninan dan keaktifan komuniti)

8) PREMIS KEMUDAHAN ASAS / FIZIKAL

(dewan, pejabat, taman permainan, surau, tadika, taska klinik dan lain-lain)

9) ISU DAN MASALAH

(mengikut keutamaan)

BIL.	ISU /MASALAH	PERINCIAN ISU	PENJELASAN ISU
1.	JENAYAH	JENAYAH KEKERASAN JENAYAH HARTA BENDA	
2.	DADAH	PENAGIHAN PENGEDARAN	
3.	SOSIAL	PERTENGKARAN	
		LEPAK	
		VANDALISME	
		KHALWAT/MAKSIAT	
		PERGADUHAN	
		LUMBA HARAM	
		PONTENG SEKOLAH	
		KUTU RAYAU	
		BUANG BAYI	
		BASIKAL LAJAK	
4.	INFRASTRUKTUR	PERGAULAN BEBAS REMAJA	
		GANGSTERISME	
		LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	
		JALANRAYA ROSAK	
		LONGKANG PECAH	
		LIF ROSAK	
		TIADA KEMUDAHAN AWAM	
		PARKIR YANG TIDAK MENCUKUPI	
		BEKALAN AIR	
		BEKALAN LETRIK	
		TONG SAMPAH TIDAK MENCUKUPI	
		LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	


5	KESIHATAN/ALAM SEKITAR/ KEBERSIHAN	PEMBUANGAN SAMPAH SARAP	
		DENGGI	
		KAWASAN / LOT TERBIAR	
		KAWASAN SEMAK SAMUN	
6.	KEMISKINAN	LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	
		PENDAPATAN RENDAH	
		TIADA PEKERJAAN	
		LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	
7.	KESELAMATAN	PENDATANG TANPA IZIN	
		HAIWAN LIAR BERKELIARAN	
		HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN	
		LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	
8.	INTEGRASI	PERGADUHAN / PER-SELISIHAN ANTARA KAUM	
		LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)	

10) LANGKAH YANG TELAH DILAKSANAKAN DAN CADANGAN LANGKAH UNTUK MENANGANI ISU/MASALAH TERSEBUT DI ATAS

BIL.	ISU/MASALAH	LANGKAH/TINDAKAN DIAMBIL	PELAKSANA	STATUS PELAKSANAAN

Mediasi Komuniti





PENGENALAN

Mediasi adalah kaedah penyelesaian alternatif yang digunakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau isu antara pihak yang bertelagah. Mediasi turut didefinisikan sebagai suatu bentuk "*Alternatif Dispute Resolution*" atau "*appropriate dispute resolution*" yang bertujuan membantu dua atau lebih pihak yang bertelagah mencapai persetujuan.

Penubuhan Mediator Komuniti (MK) merupakan satu usaha JPNIN untuk memelihara keharmonian dalam komuniti. MK memainkan peranan penting dalam menenteramkan ketegangan antara pihak-pihak yang bertelagah, memulihkan hubungan antara mereka serta membantu mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak-pihak berkenaan.

Tafsiran

MEDIASI



Satu proses penyelesaian masalah ataupun konflik yang melibatkan lebih daripada satu pihak dengan pertolongan dan bimbingan pihak yang ketiga. Pihak ketiga dinamakan pengantara ataupun mediator sementara pihak pertama dan kedua dinamakan klien.

MEDIATOR

Mediator ialah orang yang berperanan membantu pihak-pihak yang bertelingkah untuk bekerjasama bagi mencari jalan penyelesaian secara damai dan dipersetujui oleh kedua pihak tersebut.



Peranan Mediator Komuniti



Objektif

Membantu mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak yang bertelagah serta menjadi pengantara bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat setempat.



Kriteria Dan Syarat Pelantikan Mediator Komuniti

1

Warga
Negara
Malaysia.

2

Berusia 18
tahun ke atas.

3

Sihat fizikal dan
mental serta
tidak pernah
disabitkan
dalam
kesalahan
jenayah.

4

Merupakan Ahli
Jawatankuasa
Kawasan Rukun
Tetangga (KRT)
yang telah
mengikuti
Kursus Mediasi
Komuniti yang
dianjurkan oleh
Jabatan dengan
kerjasama IPTA.

5

Wakil-Wakil
persatuan dan
pertubuhan
keagamaan
serta NGO lain
yang telah
mengikuti
Kursus
Pensijilan
Mediasi Antara
Agama.



Kriteria Dan Syarat Pelanjutan Mediator Komuniti

1

Melaksanakan sekurang-kurangnya satu kes mediasi setahun.

2

Menghadiri dan menyertai kursus-kursus pembangunan diri yang diadakan oleh JPNIN.

3

Seorang MK hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun dan layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh berkenaan dan pelanjutan hendaklah dibuat enam (6) bulan sebelum tamat tempoh tersebut.

4

Seorang MK perlu aktif dan aktiviti kemasyarakatan serta program-program kejiranan anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) serta lain-lain agensi.



Kod Etika Mediator Komuniti

Prinsip dan etika kerja yang didokong oleh Mediator Komuniti adalah seperti berikut :

KOD ETIKA	KETERANGAN
Amanah	Melaksanakan tugas dengan telus dan penuh jujur, ikhlas serta bertanggungjawab.
Integriti	Tidak melakukan rasuah atau menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri sendiri serta bagi pihak yang berkepentingan.
Bertanggungjawab	Mempunyai akauntabiliti yang tinggi serta komited di dalam menjalankan tugas.
Komitmen	Sentiasa melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak membelakangkan kewajipan awam kerana kepentingan peribadi.
Dedikasi	Bersedia menerima tanggungjawab pada bila-bila masa tanpa mengharapkan sebarang imbuhan atau balasan demi kepentingan komuniti.
Berdisiplin	Sentiasa berkelakuan baik dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang diguna pakai dan menepati masa.
Profesional	Sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi menghasilkan perkhidmatan yang cekap, cepat dan tepat.

Ikrar Mediator Komuniti

Bahwasanya, kami Ahli Mediator Komuniti berikrar untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi sebagai pengantara dan pendamai di antara pihak yang berbalah.

Maka ini, kami berazam:-

- Mematuhi etika/peraturan yang ditetapkan sepanjang masa berkhidmat;
- Menjadi barisan pengantara yang berwibawa dan mengutamakan kepentingan awam;
- Melaksanakan tugas dengan telus, jujur, ikhlas, adil, amanah, dedikasi, berintegriti, bertanggungjawab, berdisiplin dan profesional;
- Sentiasa proaktif dan komited dalam melaksanakan tugas;
- Memelihara dan meningkatkan semangat kesukarelaan;
- Berusaha untuk mempertingkatkan perhubungan masyarakat setempat; dan
- Menghayati nilai-nilai murni yang berasaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.



Proses Mediasi 5 Langkah

PERINGKAT 1

Pernyataan Pembukaan (*Opening Statements*). Pihak-pihak mengambil tempat duduk masing-masing, Mediator akan memperkenalkan diri, menerangkan matlamat dan peraturan mediasi dan menggalakkan setiap pihak-pihak yang bertikai untuk bekerjasama mencari jalan penyelesaian. Setiap pihak akan diberikan peluang untuk menerangkan masalah dan pertikaian yang berlaku.



PERINGKAT 2

Perbincangan Bersama (*Joint Discussion*). Mediator berusaha memujuk pihak-pihak yang bertikai supaya meluahkan secara langsung, apa yang telah diperkatakan semasa di awal kenyataan pembukaan. Ini adalah masa dan ketikanya untuk mengenalpasti dan menentukan isu-isu yang perlu ditangani secara bersama.



PERINGKAT 3

Kaukus Persendirian (*Private Caucuses*). Sesi Kaukus adalah pertemuan secara langsung seseorang pihak yang bertikai dengan Mediator untuk membincangkan kekuatan dan kelemahan sesuatu isu atau kes yang dibawa dan mengenal pasti idea-idea untuk penyelesaian.



PERINGKAT 4

Rundingan Bersama (*Joint Discussion*). Selepas sesi kaukus, Mediator Komuniti akan menjemput semula pihak-pihak yang bertikai untuk berunding secara langsung di meja rundingan.



PERINGKAT 5

Ini adalah proses akhir mediasi. Jika pihak-pihak bertikai mencapai persetujuan berkenaan dengan sesuatu pertikaian, Mediator akan memasukkan peruntukan-peruntukan persetujuan penyelesaian secara bertulis di dalam Borang Perjanjian Penyelesaian.

Sebelum Proses Mediasi

01
Pengerusi RT menerima aduan kes/ Isu pertikaian di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan melaporkan kepada Pegawai Perpaduan Daerah (PPD)/ Pegawai Penyelaras Mediator Komuniti Negeri (PPMK).

04
Sekiranya pihak-pihak bertelah bersetuju, Mediator komuniti akan menetapkan tarikh, tempat dan masa untuk pelaksanaan proses mediasi.

02
PPD/ PPMK akan mengenalpasti Mediator Komuniti yang bersesuaian dan berkebolehan untuk menjalankan proses mediasi.

SEBELUM PROSES MEDIASI

03
Mediator Komuniti akan menghubungi pihak-pihak bertikai (bertelah) bagi mendapatkan persetujuan untuk diadakan proses mediasi.



Semasa Proses Mediasi

1

Peraturan mediasi dan kod etika Mediator Komuniti hendaklah dipatuhi sepanjang proses mediasi dilaksanakan.

2

Pihak-pihak dikehendaki mengisi borang Aku Janji Pihak-pihak untuk mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

3

Mediator Komuniti akan melafazkan Deklarasi Mediator sebagai satu bentuk ikrar untuk mengendalikan proses mediasi secara adil, saksama, bersifat neutral dan tidak memihak.


4

Pihak-pihak boleh menangguhkan ataupun menyambung semula sesi mediasi dengan persetujuan bersama Mediator Komuniti.


5

Sekiranya pihak-pihak telah mencapai persetujuan, maka borang perjanjian penyelesaian akan ditandatangani oleh kedua pihak. Manakala, sekiranya tiada persetujuan, pihak-pihak boleh menamatkan proses mediasi bila-bila masa sahaja.

Selepas Proses Mediasi



Program Sidang Mediator Komuniti (PSMK)



Pengenalan PSMK

PSMK adalah singkatan kepada Program Sidang Mediator Komuniti yang merupakan platform kepada Mediator Komuniti di seluruh Negara untuk berkumpul, berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan kes-kes mediasi. Program ini merupakan inisiatif Bahagian Pengurusan Perpaduan (BPP), Ibu Pejabat dengan kerjasama JPNIN Negeri untuk mengerakkan Mediator Komuniti. Program ini dilaksanakan di seluruh negeri setiap tahun.



Objektif PSMK

Melengkapkan ilmu pengetahuan MK mengenai proses pendamaian oleh pakar profesional.

01

Membincangkan sesuatu isu / kes yang telah, sedang dan akan dikendalikan oleh MK.

02

Menggalakkan perkongsian pengalaman serta interaksi positif di kalangan semua MK.

03

Membina keyakinan diri MK menghadapi tugas dan tanggungjawab sebagai pendamai komuniti di dalam kawasan kejiraninan yang didiami.

04



Kaedah Pelaksanaan

01

Kertas Cadangan PSMK

- BPP mengangkat kertas cadangan PSMK untuk mendapat kelulusan bagi pelaksanaan PSMK.

02

Pelaksanaan di Peringkat Negeri

- JPNIN Negeri merancang pelaksanaan PSMK dengan mengemukakan tarikh dan tempat program.
- Diadakan setiap tahun sama ada di Institut Latihan Awam (ILA) ataupun hotel.
- Penglibatan pegawai BPP dan agensi luar.

03

Pemantauan

- Pegawai BPP sentiasa memantau pelaksanaan PSMK.

04

Laporan Aktiviti

- Laporan aktiviti disediakan oleh Negeri sebelum dihantar kepada Ibu Pejabat.



Lampiran 8

LAPORAN AKTIVITI PERPADUAN

PROGRAM SIDANG MEDIATOR KOMUNITI (PSMK) PERNICKAT NEGERI SELANGOR FASA PERTAMA TAHUN 2020

16 Februari 2020 (Ahad) Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Institut Latihan Kebakaran dan Perudaman II KPD, Rawang

Kawasan Makan Terengganu Luar Kawasan Makan Terengganu

Bidang Aktiviti

Sukan Pendidikan Kekuasaan Sosial
Kesejahteraan Keshaten Keagamaan
Kebersihan Agama Ekonomi

Kategori Aktiviti

Penggaluan Pamulih Penolakan Pencegahan

Anjuran

KRT:

*Sila tandas carangan yang mengarang (jika berlaku)
Seksyen Komuniti (SKD) Jalan Wangi
Seksyen Komuniti (SKM) Jalan Muda
Turunkan

J Agent Kepuan: PERPADUAN Negeri Selangor
Sekolah Koperasi (G.C.)
Badan Bukan Kerajaan / Sukuaria :

Perbelanjaan

RM 4,500.00
Jumlah perbelanjaan sumur borongan Jabatan Pihak Luar

Kumpulan Saran: Mediator Komuniti

Impak

**Meningkatkan ilmu pengetahuan
MK mengenai proses pendamaian.**

**Meningkatkan motivasi dan
keyakinan diri MK untuk menangani kes.**

**Mempromosikan khidmat Mediator Komuniti menerusi
penglibatan agensi luar seperti PDRM, Majlis Keselamatan
Negara, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.**

**Meningkatkan keberkesanan peranan Mediator Komuniti
dalam menyelesaikan kes / isu pertikaian di kawasan kejiranan
khususnya di Kawasan Rukun Tetangga.**

**Meningkatkan kemahiran Mediator Komuniti
dalam menyediakan pelaporan kes mediasi.**

Laporan Kes Mediasi

Lampiran 1

BORANG PELAPORAN KES MEDIASI KOMUNITI

KATEGORI/ KLASIFIKASI KES (Disi oleh Jabatan)	
--	--

TARIKH MEDIASI DIJALANKAN		TEMPAT MEDIASI DIJALANKAN	
Masa Mediasi Bermula		Masa Mediasi Tamat	

MEDIATOR UTAMA		PEMBANTU MEDIATOR	
Nama :		Nama :	
No. KP :		No. KP :	
No. Telefon :		No. Telefon :	

PIHAK-PIHAK TERLIBAT	
Pihak A	Pihak B
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.

AGENSI / NGO Terlibat	
1.	
2.	
3.	
4.	

Laporan Kes Mediasi

Laporan Bulanan Kes Mediasi

Lampiran 2

LAPORAN BULANAN KES MEDIASI KOMUNITI

Negeri :

Bulan :

Tahun :

BIL	TARIKH MEDIASI	KLUSTER	RINGKASAN KES/ISU	PENYELESAIAN/TINDAKAN	STATUS	AGENSI/NGO TERLIBAT	NAMA MEDIATOR	NAMA PEMBANTU MEDIATOR (JIKA ADA)	TEMPAT MEDIASI

Disediakan Oleh :

Pengesahan PPN/TPN

.....
(Tandatangan & Cop)
Nama :
Tarikh :

.....
(Tandatangan & Cop)
Nama :
Tarikh :

PROJEK INOVASI RT

1) LATAR BELAKANG / PENGENALAN

- Selaras dengan dasar kerajaan untuk membudayakan Inovasi ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti.
- Mempelbagaikan peranan KRT selaraskan dengan Akta Rukun Tetangga 2012 bagi memacu pembangunan komuniti.
- Menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam pelaksanaan aktiviti komuniti.

2) TUJUAN MATLAMAT / OBJEKTIF

- Menjana dan menghasilkan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif bagi manfaat komuniti.
- Memperkasakan projek-projek inovasi di peringkat KRT ke arah kemajuan komuniti.
- Mempertingkatkan semangat berdikari dan daya saing di kalangan komuniti KRT.
- Memupuk dan mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat.

3) MEKANISMA PELAKSANAAN SATU NEGERI SATU PROJEK INOVASI

Kenalpasti masalah yang memerlukan penyelesaian dengan kaedah baharu.

▼
Cadangkan projek inovasi RT yang boleh menyelesaikan masalah tersebut.

▼
Melaksanakan kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan untuk kelangsungan projek sebagai contoh Agensi Inovasi Malaysia.

▼
Menjalani latihan dan kemahiran untuk menghasilkan projek.

4) KEANGGOTAAN

- Ahli Rukun Tetangga / Skim Rondaan Sukarela.
- Pemastautin dan orang-orang berkepentingan termasuk yang mempunyai kepakaran.
- Penyertaan terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

5) IMPAK

- Membantu mempermudah dan mempercepat proses kehidupan seharian melalui projek inovasi yang dihasilkan.
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan komuniti.
- Menyebarluaskan manfaat projek inovasi kepada masyarakat umum.
- Menambah baik kualiti dan kesejahteraan komuniti.
- Membina jaringan dan rangkaian kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, NGO dan badan swasta yang berkenaan.

6) PROGRAM / LATIHAN (KERJASAMA DENGAN AGENSI LAIN)

- Lawatan Sambil Belajar.
- Latihan Kemahiran
(kerjasama dengan agensi yang di kenalpasti).

7) IDENTITI / IMEJ PROJEK

- Dipatenkan (hakcipta).
- Pengiktirafan.

8) JAWATANKUASA

- Jawatankuasa Penyelaras inovasi Peringkat Daerah:
 - Penasihat (PPD PPB).
 - AJK pelaksana perlu mewujudkan Jawatankuasa Biro Inovasi di peringkat KRT.

9) SUMBER PELAKSANAAN PROJEK INOVASI

- Peruntukan sedia ada Jabatan.
- Kolaborasi bersama agensi berkaitan.
- Penajaan syarikat korporat.
- Sumbangan individu dan badan-badan amal.
- Peralatan mengikut keperluan Projek Inovasi.

10) KESIMPULAN

- Perlaksanaan Projek Inovasi KRT di harap akan dapat mempertingkatkan semangat berdikari dan daya saing yang positif dikalangan komuniti KRT.

CONTOH PROJEK INOVASI RT

"Feuille De' Pandan"

01

ISU

Bau yang tidak menyenangkan dari kawasan penternakan ayam berdekatan.

Kehadiran lalat ke kediaman semasa pembersihan reban dilakukan setiap 3 bulan.

02

IDEA

Pemilihan daun pandan kerana fungsinya yang menghasilkan bau wangi dan mempunyai ekstrak daunnya yang boleh menjadi pewarna asli



03

PENYELESAIAN DAN IMPAK

- 1 rumah 1 pandan
- Menghijaukan kawasan komuniti
- Mewujudkan persekitaran hijau dan wangi.

04

HASIL



GERAK KERJA KRT SELAMAT



GERAK KERJA KRT SELAMAT

PENGENALAN

Peranan Kawasan Rukun Tetangga dalam memelihara keselamatan komuniti setempat dapat digerakkan melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS), Skuad Uniti dan Bomba Uniti.


OBJEKTIF

Gerak Kerja KRT Selamat berperanan untuk memastikan KRT bebas daripada aktiviti jenayah, konflik masyarakat serta berdaya upaya dalam memberi khidmat bantu mula kepada masyarakat sekiranya menghadapi sebarang bencana.

Pelaksanaan Program di bawah Gerak Kerja KRT Selamat

- i. Kerjasama SRS bersama Polis DiRaja Malaysia antaranya termasuklah aktiviti :
 - Program Seminar Pendidikan Keselamatan
 - Program Jom Ronda SRS
- ii. Menggerakkan pasukan bantu mula iaitu Skuad Uniti yang akan menjadi '*first responder*' dalam membantu komuniti setempat yang terlibat bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan lain-lain.
- iii. Kerjasama KRT dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Program Bomba Uniti.





SKIM RONDAAN SUKARELA

PENGENALAN

Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah satu skim dalam Rukun Tetangga yang dianggotai sekurang-kurangnya 20 orang yang berumur 18 tahun ke atas secara sukarela. Ia ditubuhkan dengan bertujuan untuk memastikan kawasan komuniti sentiasa selamat dan sejahtera dari aktiviti jenayah dan masalah sosial melalui aktiviti rondaan dan pencegahan jenayah.



PELAKSANAAN RONDAAN DAN KAWALAN

Keanggotaan

1. Warga negara dan pemastutin tetap berumur 18 tahun ke atas, pemastutin berkepentingan, seseorang yang mendapat kelulusan Pengarah sebagai anggota SRS
2. Penyertaan menjadi anggota SRS adalah dibuat secara permohonan kepada Pengarah Rukun Tetangga berdasarkan peraturan penyertaan Skim Rondaan Sukarela yang berkuatkuasa.
3. Penarikan diri daripada menyertai SRS perlu dibuat secara notis bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga pada bila-bila masa.


Konsep Rondaan dan Kawalan

Anggota SRS hendaklah dalam kumpulan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua anggota dalam satu kumpulan dan menjalankan tugas meronda atau tugas mengawal tidak lebih daripada dua kali dalam sebulan kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada majikan.

Kawasan Tanggungjawab

Melibatkan keseluruhan atau sebahagian kawasan yang ditetapkan di dalam Notis Penetapan.

Manakala kawasan yang terlibat bagi kawalan SRS adalah di Pusat Kawasan (PRT) yang ditetapkan atau mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam kawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah



Kad Pengenalan

Anggota SRS yang menjalankan tugas rondaan dan kawalan dikehendaki membawa bersama Kad Pengenalan yang ditandatangani oleh Pengarah

Jenis dan Masa Penugasan

1. Rondaan berjalan kaki hendaklah dilakukan oleh tidak kurang daripada 2 orang anggota dan kawasan rondaan tidak melebihi 2 kilometer.
2. Rondaan berkenderaan dilakukan oleh tidak kurang daripada 2 orang anggota dan meliputi kawasan rondaan yang lebih luas dengan menggunakan kenderaan bermotor seperti kereta, motosikal basikal dan lain-lain kenderaan yang bersesuaian.

Penugasan Anggota dan Jadual Tugasan

Penugasan serta Jadual Rondaan dan Kawalan Anggota SRS ditentukan oleh Pengerusi KRT/Setiausaha KRT bersama Ketua Peronda SRS.

PELAKSANAAN RONDAAN DAN KAWALAN



Peralatan SRS (dibekalkan oleh Jabatan)

Pengerusi KRT atau Ketua Peronda SRS hendaklah menentukan semua peralatan rondaan yang dibekalkan sentiasa berkeadaan baik dan disimpan dalam keadaan selamat.

Lampu Suluh, *Baton Light*, Wisel, Rotan / Cota Kon Keselamatan, Baju Vest SRS, Topi SRS, Baju Hujan, Peti Ubat Kecemasan.

Lain-lain peralatan yang dibenarkan oleh Jabatan.

Berpakaian kemas dan selamat serta memakai Vest SRS atau pakaian rasmi SRS yang ditetapkan

Pemantauan Tugasan

Pemantauan tugasan pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga dan Ketua Peronda SRS boleh memantau pelaksanaan tugas kawalan serta memeriksa buku laporan peronda pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Papan Kenyataan Keselamatan

Papan kenyataan yang menyatakan bahawa kawasan tersebut berada dibawah kawalan keselamatan SRS hendaklah dipasang di dalam kawasan rondaan.




PELAKSANAAN RONDAAN DAN KAWALAN



PELAKSANAAN RONDAAN DAN KAWALAN


Laporan Rondaan dan Kawalan SRS serta Laporan Kejadian




Laporan kawalan dan rondaan harian serta laporan kejadian hendaklah disediakan oleh Ketua Peronda mengikut format laporan rondaan dan dimajukan setiap hari selepas rondaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga berkaitan.



Laporan kejadian jenayah hendaklah dilaporkan terus ke Balai Polis yang berhampiran.



Semua Pengerusi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) dikehendaki memajukan laporan bulanan ke JPNIN Daerah masing-masing dan JPNIN Daerah akan menyelaraskan semua laporan dan mengemukakan ke JPNIN Negeri. Manakala, JPNIN Negeri dikehendaki menyelaraskan semua laporan dan dimajukan ke Ibu Pejabat JPNIN Malaysia.



Setiap laporan yang memerlukan tindakan susulan perlu dilaksanakan di peringkat yang berkaitan terlebih dahulu bagi tujuan memastikan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan segera.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pengarah Perpaduan Negeri

1. Mempengerusikan Jawatankuasa yang bertindak sebagai penyelaras dan mengkoordinasikan segala keperluan berkaitan pengendalian SRS di seluruh negeri.
2. Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Pegawai Perpaduan Daerah atau pihak berkaitan secara berkala.
3. Melaksanakan tindakan susulan yang berkaitan pengendalian dan pengoperasian SRS di peringkat negeri.
4. Menyediakan dan mengemukakan laporan pengendalian dan pengoperasian SRS secara berkala ke Ibu Pejabat JPNIN.

Pegawai Perpaduan Daerah

1. Menyelaras Jawatankuasa diperingkat Daerah yang bertindak sebagai badan penyelaras dan pemantau pelaksanaan SRS di daerah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua Penolong Pegawai Perpaduan Daerah, Penggerusi Kawasan Rukun Tetangga dan Ketua Peronda SRS.
2. Menyelia dan menyelaras pengendalian dan pengoperasian SRS di setiap Daerah
3. Melaksanakan tindakan susulan yang berkaitan pengendalian dan pengoperasian SRS di peringkat daerah
4. Menyediakan laporan pengendalian dan pengoperasian SRS secara berkala ke JPNIN Negeri

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pengerusi KRT / Ketua Peronda SRS

1. Menyelaras dan mengkoordinasikan segala rancangan pengendalian dan pengoperasian SRS dengan pihak-pihak terlibat.
2. Menentukan petugas memahami tugas dan tanggungjawab pengendalian dan pengoperasian SRS.
3. Merancang dan menyelaras tugas kawalan dan rondaan SRS.
4. Mengenal pasti dan menyediakan tempat untuk dijadikan Pusat Operasi Rondaan.
5. Menyenaraikan petugas yang akan terlibat dengan rondaan.
6. Mengeluarkan jadual tugas setiap bulan kepada ahli dalam tempoh 2 minggu sebelum rondaan bermula.
7. Mengemukakan sesalinan Jadual Rondaan ke JPNIN Daerah dan ke Balai Polis yang berhampiran.
8. Menyediakan Buku Kehadiran dan Buku Laporan Rondaan sebelum rondaan dan kawalan dilaksanakan.
9. Menghadiri setiap mesyuarat penyelarasan berkaitan pengendalian dan pengoperasian SRS yang diadakan.
10. Memajukan Laporan Bulanan kepada PPD.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS)

1. Meronda dan mengawal di kawasan yang telah ditetapkan.
2. Mematuhi semua peraturan dan panduan pengendalian dan pengoperasian SRS.
3. Sentiasa menjaga dan melindungi keselamatan diri.

TATAKELAKUAN ANGGOTA SRS

- ! Tidak memberikan maklumat palsu;
- ! Tidak melanggar perintah atau arahan sah Ketua Peronda, Pengurus / Setiausaha KRT, Pengarah Rukun Tetangga dan Ketua Pengarah Rukun Tetangga;
- ! Tidak menggunakan bahasa yang lucah, buruk atau menghina serta melakukan apa-apa perbuatan yang sama dalam perkara tersebut;
- ! Tidak melakukan perkara-perkara tidak bertanggungjawab seperti tidur, berjudi, di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- ! Tidak melakukan apa-apa perbuatan yang memudaratkan kebajikan Kawasan Rukun Tetangga; dan
- ! Tidak cuai atau bertindak cuai.

PERANCANGAN PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN

PELAKSANAAN ARAHAN

Pengendalian dan pengoperasian SRS adalah tertakluk di bawah kelulusan Ketua Pengarah

PERANCANGAN

- 1 Ketua Peronda perlu menyediakan Jadual Rondaan melalui sistem e-SRS atau mana-mana medium yang dipersetujui Jabatan.
- 2 Menentukan dan memilih Ketua dalam sesuatu syif rondaan dan kawalan.
- 3 Memastikan setiap pasukan rondaan tidak kurang daripada 2 orang pada satu-satu masa.
- 4 Memastikan mana-mana peronda yang dijadualkan untuk meronda melebihi dua kali sebulan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada majikan terlebih dahulu.
- 5 Mempamerkan Jadual Rondaan di Pusat Kawasan atau memaklumkan dalam apa-apa cara yang difikirkan perlu dalam tempoh dua minggu sebelum rondaan bermula untuk rujukan anggota peronda.
- 6 Sesalinan Jadual Rondaan perlulah dimaklumkan dan dikemukakan kepada PPD dan Balai Polis berhampiran.
- 7 Jawatankuasa Rukun Tetangga hendaklah menyediakan peralatan rondaan yang diperlukan untuk tugas rondaan. Semua peralatan rondaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan di daftar dalam Buku Inventori SRS.

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN (SEBELUM RONDAAN)

KETUA PERONDA

01

Menyediakan Buku Daftar Anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS), Buku Rekod kedatangan yang mengandungi butir-butir peronda SRS.



02

Menyelaras rondaan mengikut Jadual Rondaan yang telah ditetapkan.



03

Memberi taklimat kepada anggota sebelum memulakan rondaan.



04

Memastikan setiap anggota peronda yang akan bertugas mempunyai Kad Pengenalan SRS dan perlu sentiasa dibawa semasa melakukan rondaan.



05

Menyediakan dan mengagihkan peralatan rondaan yang diperlukan kepada anggota peronda untuk tugas rondaan.



TATACARA PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN (SEBELUM RONDAAN)

ANGGOTA PERONDA

01

Anggota peronda hendaklah melaporkan diri di Pusat Kawasan 15 minit sebelum rondaan dibuat.

05

Mendengar taklimat tugas yang disampaikan oleh Ketua Kumpulan Rondaan.

02

Menandatangani Buku Rekod Kedatangan.

06

Sentiasa memakai uniform (Vest Peronda) yang diluluskan semasa melakukan rondaan.

03

Mengesahkan penerimaan peralatan rondaan dalam Buku Rekod Penggunaan Peralatan SRS.

07

Sentiasa membawa Kad Pengenalan SRS dan menggunakan peralatan rondaan yang ditentukan oleh Pengarah Rukun Tetangga.

04

Mendaftar kenderaan yang digunakan semasa meronda ke dalam Buku Rekod kedatangan di Pusat Rondaan serta memastikan kenderaan yang digunakan dan anggota yang memandu mestilah mempunyai dokumen pendaftaran dan lesen memandu yang sah.

08

Sentiasa menjaga disiplin serta berkelakuan dengan tertib dan sopan semasa melakukan rondaan.

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN (SEMASA RONDAAN)

RONDAAN BERJALAN KAKI

Berwaspada serta mengawasi keadaan laluan dan kawasan rondaan.

Membuat catatan dan mengambil tindakan berdasarkan peraturan jika terdapat perkara-perkara yang mencurigakan.


- 
- 01
 - 02
 - 03
 - 04
 - 05

Rondaan dilakukan secara berkumpulan oleh tidak kurang daripada 2 orang dalam satu-satu masa dalam kawasan yang ditetapkan tidak melebihi 2 kilometer persegi.

Elakkan daripada membuat bising dan melakukan tindakan tidak bermoral yang boleh menimbulkan kecurigaan serta menganggu ketenteraman awam.

Menghubungi pusat rondaan dan Balai Polis berhampiran dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini.

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN (SEMASA RONDAAN)



TATACARA PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN (SELEPAS RONDAAN)

1

Anggota melaporkan diri semula di Pusat Kawasan sebaik syif rondaan selesai

2

Memastikan semua anggota peronda balik daripada tugas rondaan

3

Menyerahkan kembali semua peralatan rondaan kepada Ketua Kumpulan Rondaan

4

Merekodkan semua peralatan rondaan yang di terima ke dalam Buku Rekod Penggunaan Peralatan

5

Menandatangani Buku Rekod Kedatangan setelah selesai menjalankan rondaan

6

Membuat catatan dalam Buku Laporan Rondaan apa-apa penemuan yang boleh menjasaskan keselamatan komuniti

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS KAWALAN SRS DI PUSAT KAWASAN ATAU MANA-MANA PREMIS, TEMPAT ATAU LOKASI DI DALAM KAWASAN (PELAKSANAAN ARAHAN)

Pengerusi KRT menerima arahan menjalankan tugas mengawal mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam Kawasan yang ditetapkan.

01

Pengarah RT mengeluarkan arahan bertulis kepada anggota SRS bertugas mengawal mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam kawasan

02

Pengerusi KRT menyediakan keanggotaan SRS yang mencukupi dan peralatan yang lengkap untuk menjalankan tugas kawalan.

03

Anggota SRS membuat kawalan dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut arahan yang ditetapkan.

04

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS KAWALAN SRS DI PUSAT KAWASAN ATAU MANA-MANA PREMIS, TEMPAT ATAU LOKASI DI DALAM KAWASAN (SEBELUM MELAKSANAKAN TUGAS KAWALAN)

Tugas dan tanggungjawab Pengerusi KRT

01

Menyediakan keanggotaan SRS yang mencukupi dan peralatan yang lengkap untuk menjalankan tugas kawalan.

02

Melantik tidak kurang daripada 2 orang anggota SRS pada satu-satu masa bagi mengawal di pusat kawasan, mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam kawasan. Dan melantik salah seorang daripadanya sebagai Ketua Pengawal Pusat Kawasan.

03

Mencatatkan butiran peribadi dan menandatangani Buku Rekod Kedatangan

Tugas dan tanggungjawab Anggota SRS

01

Melaporkan diri di Pusat Kawasan yang telah ditetapkan 30 minit sebelum penugasan bermula

02

Sentiasa membawa Kad Pengenalan Anggota SRS

03

Mencatatkan butiran peribadi dan menandatangani Buku Rekod Kedatangan

04

Membuat pemeriksaan ke atas peralatan kawalan yang dibekalkan serta mengesahkan penerimaan dalam Buku Rekod Penggunaan Peralatan SRS

05

Membaca dan memahami semua arahan kawalan yang dikeluarkan dan menerima taklimat

06

Mendengar dan menerima taklimat berkaitan tatacara kawalan, trend dan modus operandi jenayah semasa

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS KAWALAN SRS DI PUSAT KAWASAN ATAU MANA-MANA PREMIS, TEMPAT ATAU LOKASI DI DALAM KAWASAN (SEMASA MELAKSANAKAN TUGAS KAWALAN)

01

Anggota SRS yang bertugas membuat kawalan perlu bersedia melaksanakan tugas mengikut masa yang ditetapkan dan arahan Pengarah Rukun Tetangga, Pengurus Rukun Tetangga dan Ketua Kumpulan Rondaan semasa melaksanakan kawalan.

02

Sentiasa membawa Kad Pengenalan SRS dan menggunakan peralatan yang dibekalkan dengan kemas dan tatacara yang betul.

03

Sentiasa bersedia terhadap laporan dan aduan dari pasukan peronda serta bersedia memberikan bantuan kepada Pasukan Peronda.

04

Mengendalikan sebarang pertanyaan dan aduan dengan teliti dan mencatat apa-apa aduan, berita atau maklumat yang hendak disampaikan oleh komuniti.

05

Memaklumkan dengan segera apa-apa aduan, berita atau maklumat kepada Pengarah Rukun Tetangga, Pengurus Kawasan Rukun Tetangga atau pihak Polis jika memerlukan tindakan segera dan serta-merta.

06

Anggota kawalan dibenarkan menghentikan dan menjalankan pemeriksaan identiti, kenderaan dan merekod tujuan kehadiran mana-mana orang yang mencurigakan memasuki kawasan kawalan jika mempercayai keselamatan premis akan terjejas serta merujuk orang yang disyaki ke Balai Polis berhampiran.

07

Menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan yang sewajarnya apabila menghadapi sesuatu masalah/ kejadian yang tidak diduga dan seterusnya melaporkan kepada Ketua Kawalan.

08

Mencatatkan setiap perjumpaan dengan orang awam dan melaporkan setiap tindakan dan aktiviti kejadian ke dalam Buku Laporan Harian.

09

Anggota bertugas dibenarkan berehat mengikut masa dan tempat yang telah ditetapkan.

10

Sentiasa menjaga disiplin serta berkelakuan dengan tertib dan sopan. Memelihara serta melindungi keselamatan diri semasa bertugas di Pusat Kawalan. Pelihara imej jabatan.

TATACARA PELAKSANAAN TUGAS KAWALAN SRS DI PUSAT KAWASAN ATAU MANA-MANA PREMIS, TEMPAT ATAU LOKASI DI DALAM KAWASAN (SELEPAS MELAKSANAKAN TUGAS KAWALAN)

1

Anggota dikehendaki menyediakan laporan selepas bertugas melaksanakan kawalan di Pusat RT.

2

Anggota dikehendaki memastikan semua dokumen, peralatan dan persekitaran pusat RT dalam keadaan yang baik dan bersih sebelum membuat penyerahan tugas.

3

Memastikan anggota pengganti telah bersedia untuk mengambil ahli tugasan kawalan tersebut.

4

Menyerahkan laporan kepada anggota pengganti untuk syif seterusnya dan bagi mengemukakan laporan akhir kepada Ketua SRS / Pengerusi KRT sejurus selepas selesai tugas kawalan.

TATACARA MENGHENTIKAN DAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN



5

Jika pemandu enggan memberikan kerjasama atau didapati melakukan kesalahan, Anggota SRS dikehendaki menahan pemandu tersebut dan mengambil tindakan selanjutnya untuk dibawa ke balai polis yang berhampiran.

1

Anggota SRS hendaklah menahan dan memeriksa mana-mana orang, kenderaan atau apa juar pengangkutan yang memasuki kawasan kawalan dan rondaan yang disyaki boleh menjelaskan keselamatan komuniti.

2

Anggota SRS hendaklah meminta kad pengenalan untuk kepastian identiti seseorang semasa membuat pemeriksaan.

3

Pemeriksaan terhadap mana-mana orang adalah bertujuan mengetahui nama atau tempat tinggal. Jika orang itu gila, mabuk, terlalu muda dan tidak berupaya memberi maklumat, maka bantuan daripada balai polis berhampiran diperlukan bagi menentukan identiti individu tersebut.

4

Pemandu kenderaan hendaklah turut bersama Anggota SRS ketika pemeriksaan ke atas kenderaan dijalankan.

TATACARA MEMBUAT TANGKAPAN OLEH ANGGOTA SRS

TERTAKLUK KEPADA TANGKAPAN AWAM SEKSYEN 27 KANUN PROSEDUR JENAYAH



Mengikut Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah, orang awam boleh menahan penjenayah bagi kesalahan yang tidak memerlukan waran tangkap polis seperti bunuh, rogol, culik, rompak, pecah masuk premis, samun dan ragut.

1

Sesuatu kesalahan itu sedang berlaku.

2

Kesalahan yang dilakukan hendaklah satu bentuk kesalahan yang tidak boleh dijamin.

3

Kesalahan itu dilakukan di depan mata atau dalam pandangan.

4

Selepas membuat tangkapan, anggota hendaklah tanpa berlengah-lengah menyerahkan orang yang ditangkap kepada Pegawai Polis yang paling hampir atau jika ketiadaan Pegawai Polis, hendaklah menghantar orang itu ke Balai Polis yang paling hampir sebagaimana yang tertakluk dibawah Seksyen 44 Kanun Prosedur Jenayah.

5

Mana-mana barang / benda / bahan yang dirampas jika ada hendaklah juga diserahkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak polis.

LARANGAN SEMASA MENJALANKAN RONDAAN

Semasa melaksanakan tugas, anggota SRS DILARANG melakukan perkara berikut :



- 1 Meninggalkan tempat bertugas tanpa kebenaran daripada Ketua Peronda SRS
- 2 Menggunakan bahasa yang kasar, kesat, lucah, buruk dan menghina.
- 3 Melakukan perkara-perkara yang boleh memudaratkan tatatertib dan nama baik seperti pelanggaran disiplin, cuai semasa melaksanakan tugas, menerima atau memberi rasuah dan lain-lain perbuatan jenayah.
- 4 Memberikan maklumat palsu.
- 5 Melanggar atau tidak mematuhi arahan sah daripada Ketua Peronda SRS.
- 6 Melakukan perbuatan atau kelakuan lucah, kurang sopan atau menghina.
- 7 Terlibat dengan aktiviti sosial seperti berjudi, bergaduh, tidur, di bawah pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah.
- 8 Bertindak diluar bidang kuasa.
- 9 Membuka vest semasa melaksanakan rondaan.

HAK MEMPERTAHANKAN DIRI

Hak mempertahankan diri ialah sebarang tindakan yang diambil oleh Anggota SRS sehingga boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan parah dengan tujuan untuk mempertahankan diri sendiri, orang lain dan harta yang tertakluk di bawah undang-undang dari sebarang kecederaan, kematian dan kemusnahan yang mungkin berlaku.

Kuasa undang-undang terpakai adalah di bawah peruntukan Seksyen 97 hingga Seksyen 103 Kanun Keseksaan, iaitu Hak Pertahanan Diri dan harta benda.

- 1 Tiap-tiap orang ada hak untuk mempertahankan tubuhnya sendiri dan tubuh seseorang yang lain terhadap apa-apa kesalahan mengenai tubuh manusia.
- 2 Hak ini termasuk mempertahankan hartanya sendiri atau orang lain daripada kesalahan mencuri, merompak, khianat atau penceroboh jenayah.
- 3 Hak Pertahanan Persendirian termasuk sehingga menyebabkan kematian atau cedera parah wujud dalam keadaan yang berikut (Seksyen 100 Kanun Keseksaan)
 - Serangan yang akan menimbulkan ketakutan yang munasabah bahawa kematian atau kecederaan parah akan terjadi disebabkan serangan tersebut.
 - Serangan dengan niat mengurung seseorang secara salah.
 - Seksyen 103 Kanun Keseksaan memperuntukan Hak Pertahanan Persendirian (sehingga menyebabkan kecederaan parah atau kematian) digunakan dalam mempertahankan harta (*property*) daripada perbuatan-perbuatan seperti khianat, rompakan, pencerobohan dan sebagainya.

PERANCANGAN RONDAAN SRS

Negeri

Daerah/Bahagian

Nama SRS

Tarikh Rondaan

SENARAI AHLI SRS	NO.AHLI
1	
2	
3	
4	
5	
6	

SENARAI AHLI PERONDA BERTUGAS	NO.AHLI
1	
2	
3	
4	
5	
6	

JADUAL RONDAAN SRS

NEGERI

DAERAH/BAHAGIAN

NAMA SRS

TAHUN

BULAN

TARIKH RONDAAN

SENARAI NAMA PERONDA

BIL.	NAMA PERONDA	NO.KAD
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		

LAPORAN KEKERAPAN PERANCANGAN RONDAAN SRS

TAHUN :

BULAN :

NEGERI :

KEKERAPAN RONDAAN

BIL.	DAERAH	1 X SEMINGGU	2 X SEMINGGU	3 X SEMINGGU	4 X SEMINGGU	5 X SEMINGGU	6 X SEMINGGU	7 X SEMINGGU	1 X SEBULAN	2 X SEBULAN	3 X SEBULAN
1											
2											
3											
4											

LAPORAN RONDAAN SKIM RONDAAN SUKARELA BAGI BULAN _____

SRS : _____

KEKERAPAN RONDAAN

(SILA TANDAKAN '/' DIRUANG BERKENAAN)

1X SEMINGGU	
2X SEMINGGU	
3X SEMINGGU	
4X SEMINGGU	
5X SEMINGGU	
6X SEMINGGU	
7X SEMINGGU	
1X SEBULAN	
2X SEBULAN	
3X SEBULAN	
TIDAK MERONDA	

(Tandatangan Ketua Peronda)

Nama :

Tarikh :

BORANG PENGENDALIAN KES SRS

Negeri

Daerah

Nama SRS

Tarikh Rondaan

MAKLUMAT KES

Kategori Kes

Jenis Kes

Keterangan Kes

Bilangan Terlibat Orang

Bilangan Yang Terlibat Mengikut Kaum:

Kaum	Bilangan	Jantina	Umur

Tindakan :

Kes dirujuk kepada

Polis
 Jabatan Agama
 PBT
 AADK
 Tiada Tindakan

RINGKASAN LAPORAN PENGENDALIAN KES RONDAAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)																							
TAHUN																							
BULAN																							
DAERAH																							
NAMA SRS																							
KATEGORI	JENIS KES	JUMLAH KES	JUMLAH TERLIBAT	BILANGAN KAUM TERLIBAT						UMUR					BILANGAN KES DILAPORKAN KEPADA AGENSI-AGENSI/YANG DIRUJUK UNTUK PENYELESAIAN								
				MELAYU		CINA		INDIA		BUMIPUTRA SABAH		BUMIPUTRA SARAWAK		12 TAHUN KE BAWAH	13 - 21	22 - 40	41 - 60	60 TAHUN KEATAS	POLIS	JABATAN AGAMA	PBT	AADIK	TIADA TINDAKAN LANUT
				L	P	L	P	L	P	L	P	L	P										
JENAYAH KEKERASAN	1. Pembunuhan																						
	2. Rogol																						
	3. Cabul Kehormatan																						
	4. Samun																						
	5. Peras Ugut																						
	6. Merusuh																						
	7. Mencedera/Penderaan																						
JENAYAH HARTA BENDA	1. Curu Kenderaan																						
	2. Curu Harta Benda																						
	3. Pecah Rumah																						
JENAYAH NARKOTIK	1. Pengedaran Dadah																						
	2. Memiliki Dadah																						
GEJALA SOSIAL	1. Pentengkaran																						
	2. Lepak																						
	3. Vandalsme																						
	4. Khalwat/Maksiat																						
	5. Pergaduhan																						
	6. Pendatang Tanpa Izin																						
	7. Iumba haram																						
	8. Renggahan Dadah																						
	9. Masalah Rumah Tangga																						
	10. Ponteng																						
	11. Kutu Rayau																						
	12. Buang Bayi																						
	13. Basikal Lajak																						
	14. LGBT																						
JUMLAH KES																							

PROGRAM JOM RONDA

PENGENALAN

01



Kesedaran bahawa tugas menjaga keselamatan diri, keluarga dan komuniti bukan hanya terletak di bahu PDRM dan agensi keselamatan semata-mata. Sokongan dan bantuan dari komuniti amat diperlukan agar matlamat membanteras jenayah dapat dicapai dengan jayanya.

02



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tampil dengan strategi mencegah jenayah melalui Jom Ronda.

03



Program Jom Ronda adalah program rondaan yang melibatkan jaringan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta selaras dengan slogan “*United Against Crime*”.

OBJEKTIF

1



Mengurangkan
kadar risiko jenayah
di peringkat komuniti



2



Menjalin hubungan
yang baik bersama
agensi yang terlibat



3



Memastikan
keharmonian
dan keselamatan
penduduk setempat

4



Menjadi mata dan
telinga pihak
berkuasa seperti
PDRM dan AADK

PROGRAM PENDIDIKAN KESELAMATAN KEJIRANAN

PENGENALAN



1

Penyertaan warga Rukun Tetangga dan masyarakat setempat bukan sahaja mampu untuk mencegah jenayah, malahan mereka juga sebagai sumber kepada pihak polis untuk menyalurkan maklumat yang tepat berkaitan perlakuan jenayah yang berlaku dalam kawasan setempat.



2

Kerjasama dan persefahaman ini akan mewujudkan jaringan dengan agensi kerajaan yang lain sekaligus memberi peluang pertukaran maklumat yang dapat membantu agensi keselamatan menangani jenayah di dalam kawasan kejiranannya. Perkongsian maklumat serta jaringan efektif ini akan sentiasa diperkuuh dan dipertingkatkan.

OBJEKTIF



1

Meningkatkan
pengetahuan dalam
usaha-usaha
pencegahan
jenayah



2

Berkongsi
pengetahuan dan
maklumat dalam
mengenal pasti isu
dan masalah di
dalam kawasan
kejiranan



PENILAIAN PERSEPSI RASA SELAMAT DI KAWASAN SKIM RONDAAN SUKARELA

PENGENALAN

Persepsi rasa selamat menggambarkan suatu keadaan atau perasaan yang bebas dari segala ancaman yang melibatkan keselamatan dari jenayah bukan sahaja ke atas nyawa sendiri tetapi ia turut meliputi keluarga, jiran tetangga dan termasuklah keselamatan harta benda seperti tempat tinggal, kenderaan dan premis perniagaan

PERUNTUKAN AKTA

Berdasarkan Seksyen 18 (1) Akta 751, anggota SRS adalah meronda di dalam kawasan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah JPNIN sebagai kawasan SRS mengikut kepada jadual waktu dan keperluan SRS untuk membanteras jenayah yang berlaku dan meningkatkan rasa selamat penduduk dan komuniti.

IMPAK

Keberkesanan SRS adalah bergantung kepada kekerapan pelaksanaan rondaan dan bilangan ahli SRS yang sama-sama menggembang tenaga untuk menjaga keamanan kawasan kediaman mereka.

OBJEKTIF

Menilai tahap rasa selamat komuniti dalam Kawasan Skim Rondaan Sukarela

Menilai tahap keaktifan Skim Rondaan Sukarela

Menilai tahap sokongan komuniti terhadap Skim Rondaan Sukarela

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan sekali setahun pada bulan November setiap tahun

Kaedah kutipan data secara kuantitatif

Edaran borang soal selidik kepada komuniti secara atas talian.

BORANG PENILAIAN RASA SELAMAT

Bahagian A : Kawasan Kediaman


Bil.	Soalan	
1.	Negeri	Skala Jawapan
2.	Daerah	Paparan senarai negeri
3.	Nama KRT	Paparan senarai daerah
4.	Nama SRS	Paparan senarai KRT
5.	Kategori Penempatan :	Paparan senarai SRS
		Sila pilih penempatan anda

Bahagian B : Latar Belakang Responden

Bil.	Soalan	
1.	Jantina	Pilihan jawapan
2.	Umur	Pilihan jawapan
3.	Pekerjaan	Pilihan jawapan
4.	Pendapatan	Pilihan jawapan
5.	Pendidikan	Pilihan jawapan

Bahagian C: Aktiviti Rondaan Skim Rondaan Sukarela

Sila klik jawapan yang sesuai mengikut pandangan anda mengenai kenyataan dengan sekala berikut:



Bil.	Soalan	Skala Jawapan
1.	Pasukan SRS kerap menjalankan rondaan keselamatan di kawasan kediaman saya	1 2 3 4 5
2.	Peronda SRS masih tetap meronda pada waktu tengah malam dan dinihari (antara 2.00 pagi hingga 5.00 pagi)	1 2 3 4 5
3.	Program rondaan SRS ini meningkatkan rasa selamat penduduk	1 2 3 4 5
4.	Program rondaan SRS ini berjaya mengurangkan jenayah di kawasan kediaman saya	1 2 3 4 5
5.	RT dan SRS sentiasa membantu komuniti dalam kejiranan ketika musibah	1 2 3 4 5

Bahagian D: Komitmen Responden terhadap Aktiviti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela

Bil	Soalan	Skala Jawapan
1.	Saya bersedia secara sukarela untuk melibatkan diri dalam rondaan SRS di kawasan kediaman saya	1 2 3 4 5
2.	Salah satu faktor utama saya meneruskan tugas sukarela ini adalah kerana ia sangat penting untuk keselamatan kawasan kediaman saya.	1 2 3 4 5
3.	Saya sentiasa mematuhi jadual tugas rondaan yang telah ditetapkan	1 2 3 4 5
4.	Menjaga keselamatan dan melaksanakan rondaan dalam kawasan komuniti adalah tanggungjawab setiap individu.	1 2 3 4 5

Bahagian E: Persepsi Rasa Selamat

BIL.	SOALAN	SKALA				
		1 Sangat tidak selamat	2 Tidak selamat	3 Kurang selamat	4 Selamat	5 Sangat Selamat
1.	Saya berasa selamat berada di dalam rumah saya pada waktu siang					
2.	Saya berasa selamat berada di dalam rumah saya pada waktu malam					
3.	Saya yakin untuk bersiar-siar di dalam kawasan kejiranan saya pada waktu siang					
4.	Saya yakin untuk bersiar-siar di dalam kawasan kejiranan saya pada waktu malam					
5.	Saya berpendapat bahawa keluarga dan harta benda saya sentiasa dalam keadaan selamat dalam kawasan kejiranan saya.					
6.	Adakah anda rasa kawasan kejiranan anda adalah tempat yang selamat untuk anda tinggal?					

Sekiranya anda merasa tidak selamat, anda dikehendaki menjawab soalan berikutnya:

1	Apakah punca anda merasa tidak selamat berada dalam kawasan kediaman anda?	1. Pengedaran dan penagihan dadah yang berleluasa. 2. Serangan, ragut. 3. Buli atau keganasan ke atas fizikal. 4. Kecurian dan pecah masuk rumah. 5. Pembunuhan. 6. Pergaduhan. 7. Media sosial: ancaman melalui kumpulan what'sApp, Facebook atau lain-lain lagi. 8. Masalah lain: sila nyatakan :
2	Sila nyatakan tempat yang anda rasakan tidak selamat di kawasan kediaman anda	1. Lorong sepi. 2. Bangunan kosong. 3. Kawasan semak. 4. Kebun. 5. Loji rawatan air. 6. Pencawang elektrik. 7. Lain-lain: nyatakan:

3	<p>Adakah berlaku konflik berikut di kawasan kediaman anda?</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada konflik. 2. Pergaduhan suami isteri. 3. Serangan individu. 4. Serangan kumpulan gangster. 5. Pergaduhan antara kaum. 6. Pergaduhan sesama kaum. 7. Demonstrasi. 8. Konflik lain: Sila nyatakan : <p>.....</p>
4	<p>Sila nyatakan tempat yang anda rasakan selalu berlaku konflik di kawasan kediaman anda</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Stesen bas. 2. Sekolah. 3. Pusat komuniti. 4. Surau/masjid. 5. Taman permainan. 6. Padang. 7. Pusat riadah. 8. Lain-lain tempat : nyatakan <p>.....</p>

5	<p>Pilih tempat kebiasaan aktiviti penagihan dadah dilakukan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rumah terbiar. 2. Bangunan kosong. 3. Semak samun. 4. Kawasan tempat letak kereta. 5. Koridor tangga. 6. Di dalam rumah salah seorang penduduk kawasan Komuniti. 7. Lain-lain tempat: nyatakan : <p>.....</p>
6	<p>Apakah yang akan anda lakukan untuk pastikan kawasan kejiranannya selamat dari jenayah?</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa berhubung dengan persatuan dalam komuniti. 2. Meronda secara sukarela dalam kawasan kejiranannya. 3. Peka dengan kehadiran warga asing dan melaporkan kepada pihak berkuasa. 4. Peka dengan situasi yang mencurigakan dalam kawasan kediaman dan melaporkan kepada pihak berkuasa. 5. Mengambil berat rakan kejiranannya. 6. Nyatakan tindakan lain: <p>.....</p>

PEMANTAUAN KESELAMATAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

Pemeriksaan oleh KRT terhadap tahap keselamatan fizikal kawasan perumahan masing-masing

TUJUAN

KRT mengenalpasti tempat-tempat berisiko berlaku jenayah

KRT menilai sendiri tahap keselamatan di kawasan perumahan masing-masing

KRT melakukan perancangan keselamatan bersama-sama penduduk dan PBT

KAEDAH

KRT membuat audit menggunakan senarai Semakan Keselamatan

Pemeriksaan dilakukan secara berkumpulan.

KRT membentangkan hasil pemeriksaan kepada Pegawai Perpaduan Daerah untuk tindakan.

KRT membentangkan / memohon tindakan dari agensi lain untuk penambahbaikan

PROSES PELAKSANAAN PEMANTAUAN

1 Pemantauan di kawasan perumahan menggunakan Senarai Semak Keselamatan Kawasan

2 Perbincangan bersama Ahli Jawatankuasa KRT dalam mesyuarat KRT tentang punca isu dan keperluan penambahbaikan kemudahan untuk keselamatan kawasan

3 Pemakluman kepada PPD melalui mesyuarat

4 Pembentangan dalam mesyuarat yang melibatkan agensi lain untuk penambahbaikan sebarang kekurangan

5 Tindakan penambahbaikan kemudahan

Semakan Keselamatan digunakan sebagai satu kaedah penilaian atau audit terhadap tahap keselamatan di Kawasan Rukun Tetangga. Tujuan utamanya adalah untuk memeriksa rekabentuk fizikal yang menyumbang terhadap aspek keselamatan dalam komuniti Rukun Tetangga



Komuniti Rukun Tetangga boleh melakukan pemeriksaan di kawasan perumahan masing-masing berdasarkan 9 kriteria bagi pembangunan jenis strata dan 7 kriteria bagi pembangunan jenis bertanah. Dengan adanya semakan keselamatan ini, kawasan yang berisiko berlakunya jenayah dapat dikenal pasti untuk dilaksanakan penambahbaikan oleh pihak yang bertanggungjawab

Borang Senarai Semak Keselamatan Kawasan

BANGUNAN JENIS STRATA

Tandakan ✓ atau ✗ pada kriteria-kriteria berikut

AKSES KAWASAN KEDIAMAN		✓ ✗
a	Jalan keluar masuk ke kawasan perumahan	
	Hanya ada 1 jalan keluar masuk	()
	Ada 2 jalan keluar masuk	()
	Ada lebih dari 2 jalan keluar masuk	()
b	Lampu jalan dalam kawasan perumahan	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
c	Jalan tikus (jalan haram)	
	Tiada Jalan Tikus	()
	Ada Jalan Tikus	()
d	Bonggol / speed table / dan lain-lain untuk memperlahangkan trafik	
	Ada bonggol / speed table	()
	Tiada bonggol / speed table	()

AKSES KE DALAM BANGUNAN				
a	Lif			
	Hanya ada 1 lif		()	
	Ada 2 lif		()	
	Ada lebih dari 2 lif		()	
b	Lampu lif			
	Cahaya lampu yang mencukupi		()	
	Cahaya lampu tidak mencukupi		()	
c	Jumlah lif yang berfungsi			
	Hanya ada 1 lif		()	
	Ada 2 lif		()	
	Ada lebih dari 2 lif		()	
SAMBUNGAN AKSES DALAM BANGUNAN				
a	Tangga			
	Hanya ada 1 tangga		()	
	Hanya 2 tangga		()	
	Ada lebih dari 2 tangga		()	
b	Lampu tangga			
	Cahaya lampu yang mencukupi		()	
	Cahaya lampu tidak mencukupi		()	

SEMPADAN KAWASAN		
a	Sempadan kawasan perumahan (cth:jalan/ sungai/lanskap/dll)	✓ ✗
	Ada sempadan yang jelas	()
	Tiada sempadan yang jelas	()
KAWALAN KESELAMATAN		
a	Taman Perumahan	
	Ada Skim Rondaan Sukarela (SRS) / Pengawal Keselamatan / Kad Pintar / Boomgate/ CCTV/dll	()
	Tiada sebarang kaedah keselamatan digunakan	()
b	Tapak utiliti (pencawang TNB / Tangki Air)	
	Berpagar dan berkunci	()
	Tidak berpagar dan berkunci	()
LALUAN PEJALAN KAKI		
a	Penyediaan Pejalan Kaki	
	Ada laluan pejalan kaki dan rel penghadang / bollard / shrub	()
	Ada laluan pejalan kaki tanpa rel penghadang / bollard / shrub	()
	Tiada laluan pejalan kaki	()
b	Objek yang menghalang laluan pejalan kaki (cth : pokok / lanskap / papan tanda / dll)	
	Tiada objek yang menghalang	()
	Ada objek yang menghalang	()

TEMPAT LETAK KENDERAAN DI KAWASAN PERNIAGAAN		
		✓ ✗
a	Lokasi	
	Mudah dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
	Sukar dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
b	Lampu di tempat letak kenderaan	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
	Tiada lampu	()
c	Tempat letak motorsikal berkunci disediakan	
	Ada tempat letak motorsikal berkunci	()
	Tiada tempat letak motorsikal berkunci	()
KAWASAN LAPANG (PADANG / TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK / TAMAN REKREASI / DLL)		
		✓ ✗
a	Lokasi	
	Mudah dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
	Sukar dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
b	Kawasan lapang diselenggara dan bersih	
	Diselenggara dan bersih	()
	Tidak diselenggara dan bersih	()
c	Lampu di kawasan lapang	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
	Tiada lampu	()

TEMPAT LETAK KENDERAAN DI KAWASAN PERUMAHAN		 
a	Lokasi	
	Mudah dilihat dari kediaman/ tidak tersorok/ tidak terlindung	()
	Sukar dilihat dari kediaman/ tersorok/ terlindung	()
b	Lampu di tempat letak kenderaan	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
	Tiada lampu	()
c	Tempat letak motosikal berkunci disediakan	
	Ada tempat letak motosikal berkunci	()
	Tiada tempat letak motosikal berkunci	()

Borang Senarai Semak Keselamatan Kawasan

BANGUNAN JENIS BERTANAH

Tandakan ✓ atau ✗ pada kriteria-kriteria berikut

AKSES KAWASAN KEDIAMAN		✓ ✗
a	Jalan keluar masuk ke kawasan perumahan	
	Hanya ada 1 jalan keluar masuk	()
	Ada 2 jalan keluar masuk	()
	Ada lebih dari 2 jalan keluar masuk	()
b	Lampu jalan dalam kawasan perumahan	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
c	Jalan tikus (jalan haram)	
	Tiada Jalan Tikus	()
	Ada Jalan Tikus	()
d	Bonggol / speed table / dan lain-lain untuk memperlahangkan trafik	
	Ada bonggol / speed table	()
	Tiada bonggol / speed table	()

SEMPADAN KAWASAN		
		✓ ✗
a	Sempadan kawasan perumahan (cth:jalan/ sungai/lanskap/dll)	
	Ada sempadan yang jelas	()
	Tiada sempadan yang jelas	()
KAWALAN KESELAMATAN		
		✓ ✗
a	Taman Perumahan	
	Ada Skim Rondaan Sukarela (SRS) / Pengawal Keselamatan / Kad Pintar / Boomgate/ CCTV/dll	()
	Tiada sebarang kaedah keselamatan digunakan	()
b	Tapak utiliti (pencawang TNB / Tangki Air)	
	Berpagar dan berkunci	()
	Tidak berpagar dan berkunci	()
LORONG BELAKANG RUMAH		
		✓ ✗
a	Lampu di lorong belakang rumah	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
	Tiada lampu	()
b	Lorong belakang diselenggara dan bersih	
	Diselenggara dan bersih	()
	Tidak diselenggara dan bersih	()
c	Halangan untuk kenderaan masuk ke lorong belakang (cth : bollard / pagar / dll)	
	Ada halangan	()
	Tiada halangan	()
	Tiada lampu	()

TEMPAT LETAK KENDERAAN				
a	Lokasi			
	Mudah dilihat dari jalan utama / bangunan kedai / tidak tersorok / tidak terlindung	()		
	Sukar dilihat dari jalan utama / bangunan kedai / tidak tersorok / tidak terlindung	()		
b	Lampu di tempat letak kenderaan			
	Cahaya lampu yang mencukupi	()		
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()		
	Tiada lampu	()		
c	Tempat letak motorsikal berkunci disediakan			
	Ada tempat letak motorsikal berkunci	()		
	Tiada tempat letak motorsikal berkunci	()		
LALUAN PEJALAN KAKI				
a	Penyediaan Pejalan Kaki			
	Ada laluan pejalan kaki dan rel penghadang / bollard / shrub	()		
	Ada laluan pejalan kaki tanpa rel penghadang / bollard / shrub	()		
	Tiada laluan pejalan kaki	()		
b	Objek yang menghalang laluan pejalan kaki (cth : pokok / lanskap / papan tanda / dll)			
	Tiada objek yang menghalang	()		
	Ada objek yang menghalang	()		

KAWASAN LAPANG
(PADANG / TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK / TAMAN REKREASI / DLL)

✓ | ✗

a	Lokasi	
	Mudah dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
	Sukar dilihat dari jalan utama/bangunan kedai/tidak tersorok/tidak terlindung	()
b	Kawasan lapang diselenggara dan bersih	
	Diselenggara dan bersih	()
	Tidak diselenggara dan bersih	()
c	Lampu di kawasan lapang	
	Cahaya lampu yang mencukupi	()
	Cahaya lampu tidak mencukupi	()
	Tiada lampu	()

SKUAD UNITI


PENGENALAN SKUAD UNITI

Skuad Uniti peringkat kebangsaan telah dilancarkan pada 9 Mac 2014 di Kuala Lumpur. Empat (4) prinsip utama Skuad Uniti adalah tolong-menolong, hormat menghormati, kerjasama dan jaringan strategik.

Inisiatif ini digerakkan melalui pengukuhan jentera Rukun Tetangga dengan menggunakan mekanisma RT dalam pembentukan pasukan bantu mula berkaitan pengurusan situasi kecemasan dan kritikal untuk membantu komuniti menyelaras dan mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan perkhidmatan kerajaan di peringkat akar umbi.

Sasaran penubuhan adalah satu Skuad Uniti di peringkat komuniti bagi setiap daerah / bahagian.

OBJEKTIF PENUBUHAN SKUAD UNITI



Memperkasakan peranan
Rukun Tetangga dalam
program khidmat komuniti

Memberi khidmat
bantu mula kepada komuniti
ketika menghadapi
situasi bencana

TATACARA PELAKSANAAN SKUAD UNITI

IMEJ DAN IDENTITI

Imej dan Identiti Skuad Uniti adalah mengikut ketetapan dan panduan yang dikeluarkan jabatan dari semasa ke semasa.

SEKATAN

Skuad Uniti boleh melaksanakan tugas, tanggungjawab dan tindakan selagi tidak bercanggah dengan Akta Rukun Tetangga 2012 dan lain-lain peraturan dan undang-undang sedia ada yang termaktub di dalam negara

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pelaporan pelaksanaan aktiviti/program dan intervensi yang dilaksanakan oleh Skuad Uniti hendaklah merujuk kepada Borang Laporan Program seperti di dalam Sistem Maklumat Perpaduan 2.0.



LATIHAN SKUAD UNITI

LATIHAN ASAS/WAJIB

Skuad Uniti perlu menjalani latihan selama sekurang-kurangnya dua (2) hari dengan pengisian latihan asas dan modul latihan yang dikendalikan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN). Kaedah latihan adalah melalui pengajaran secara ceramah dan dialog serta kaedah lain yang bersesuaian.



LATIHAN KEMAHIRAN SKUAD UNITI

Latihan kemahiran selanjutnya dilaksanakan oleh JPNIN peringkat Negeri/Daerah/Bahagian masing-masing setelah mengenalpasti jenis kemahiran yang diperlukan mengikut lokaliti masing-masing. Skuad Uniti perlu menjalani latihan dan mengikut aturcara latihan kemahiran seperti yang ditetapkan JPNIN Negeri/Daerah/Bahagian.



Contoh latihan kemahiran Skuad Uniti



PENGISIAN TEAM BUILDING SKUAD UNITI

1

Aspek patriotisme, kenegaraan dan penghayatan terhadap Perlembagaan, Silang Budaya, Rukun Negara dan Kontrak Sosial

2

Aspek halangan, cabaran dan pengurusan krisis dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial

3

Aspek pembinaan dan pembangunan pasukan

4

Aspek kepimpinan, disiplin dan jati diri



PANDUAN ASAS PENGURUSAN BENCANA

(Bantuan Tabung Dana, Bekalan Makanan, Pakaian, Perubatan)

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum pelaksanaan bantuan / sumbangan	Penyelarasan dan kolaborasi	<ul style="list-style-type: none"> - Komunikasi dengan semua pihak untuk pelan perancangan bantuan yang ingin diberikan. - Memaklumkan kepada pihak berwajib jenis dan tindakan pemberian bantuan yang ingin dilaksanakan. - Agihan tugas dan peranan melalui jaringan kerjasama erat dalam perancangan tindakan bersama agensi tempatan. 	JPNIN / Skuad Uniti
	Urusan inventori sumber	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenal pasti dan menyediakan maklumat/profil/senarai/data /Peta/lokasi: <ul style="list-style-type: none"> • Mangsa bantuan • Direktori agensi pengurusan bencana yang terlibat - Mengenal pasti jenis sumbangan dan bantuan yang akan dilaksanakan (makanan, pakaian, perubatan dan perkakasan) 	JPNIN / Skuad Uniti
	Sumber	Menyediakan pusat untuk pengumpulan inventori/sumber contohnya Pejabat Perpaduan Negeri/Daerah/Bahagian sebagai pusat penyaluran sumbangan makanan, perubatan dll.	JPNIN / Rukun Tetangga / Skuad Uniti

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum pelaksanaan bantuan / sumbangan	Hebahan dan Kutipan	<ul style="list-style-type: none"> - Hebahan mengenai kutipan sumbangan dilaksanakan melalui pelbagai komunikasi antaranya saluran media (Mesej, Whatsapp, Flyers, Facebook, Blog dll). - Merekod dan memasukkan kajian berbentuk dana kewangan dalam akaun. - Hebahan dilaksanakan dengan mengambil kira maklumat: <ul style="list-style-type: none"> • Objektif sumbangan • Kumpulan sasar • Jenis sumbangan • Kaedah penyaluran sumbangan • Lokasi kutipan sumbangan 	JPNIN / Rukun Tetangga / Skim Rondaan Sukarela / Skuad Uniti / Mediator Komuniti
	Hebahan dan Kutipan	<ul style="list-style-type: none"> - Penyata Kewangan berkaitan dana sumbangan hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Rukun Tetangga dan dimaklumkan kepada PPN setelah aktiviti sumbangan selesai dilaksanakan - Menyediakan dan merekod makluman kutipan sumbangan (bilangan sumbangan mengikut jenis dan kategori sumbangan). 	JPNIN / Rukun Tetangga / Skim Rondaan Sukarela / Skuad Uniti / Mediator Komuniti

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum pelaksanaan bantuan / sumbangan	Agihan dan Pemberian Bantuan/ Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> - Merancang dan menyelaras agihan sumbangan setelah persetujuan bersama diperolehi. - Agihan kepada mangsa bencana dan kawasan yang memerlukan 	JPNIN / Rukun Tetangga / Skim Rondaan Sukarela / Skuad Uniti / Mediator Komuniti
	Laporan	Semua jenis aktiviti kutipan tabung dan sumbangan hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri berkenaan.	JPNIN / Rukun Tetangga / Skim Rondaan Sukarela / Skuad Uniti / Mediator Komuniti
	Pelan Pemantauan	Mesyuarat penyelarasan khususnya di JPNIN Negeri/Daerah/Bahagian untuk tindakan selanjutnya	JPNIN / Skuad Uniti

PANDUAN ASAS PENGURUSAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas pengurusan pencegahan kebakaran daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri / Daerah / JBPM (BOMBA)
	Sumber Bahan/ Perkakasan	Penyediaan bahan/perkakasan asas pencegahan kebakaran seperti "fire extinguisher", pasir dan lain-lain.	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Amaran Awal	Penyampaian maklumat kepada JBPM (BOMBA), Agensi dan masyarakat berhubung pencegahan kebakaran.	Skuad Uniti
	Jaringan kerjasama	Melibatkan kerjasama dengan agensi dan pihak lain dalam urusan pencegahan kebakaran.	JPNIN / Skuad Uniti
	Pemberian Perkhidmatan	Membantu JBPM (BOMBA) tempatan dalam:- i. Mencegah kebakaran ii. Menyelamat individu yang terperangkap dalam bangunan terbakar iii. Rawatan pertolongan kecemasan iv. Mendapatkan kembali barang-barang berharga dari bangunan terbakar.	Skuad Uniti / JBPM (BOMBA)
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan.	Skuad Uniti

PANDUAN ASAS GERAKAN MENCARI DAN MENYELAMAT

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas pengurusan pencegahan kebakaran daripada pihak JBPM (BOMBA)/ JPAM/JKM.	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri/ Daerah / JBPM / JPAM / JKN
	Sumber/ Bahan/ Perkakasan	Penyediaan bahan/perkakasan asas gerakan mencari dan menyelamat seperti lampu suluh, tali dan wisel.	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Amaran Awal	Penyampaian maklumat kepada JBPM,PDRM, JPAM, agensi dan masyarakat berhubung situasi.	JPNIN / Skuad Uniti
	Jaringan kerjasama	Melibatkan kerjasama dengan agensi dan pihak lain dalam urusan mencari dan menyelamat	
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan	Skuad Uniti

PANDUAN ASAS KHIDMAT BANTU MULA DALAM KECEMASAN

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas bantu mula dalam aspek kecemasan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	Skuad Uniti / KLIN / JPNIN Negeri / Daerah / KKM / JBPM (BOMBA)
	Sumber Bahan/ Perkakasan	Penyediaan bahan/perkakasan asas khidmat bantu mula seperti <i>first aid kit</i> dan lain-lain	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Pemberian Perkhidmatan	<p>Membantu KKM dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan dan urusan mengangkut bahan, peralatan dan perkakasan kecemasan seperti pengusung dan kit kecemasan. ii. Menjaga orang yang tercedera sehingga selamat dimasukkan ke dalam ambulan atau destinasi yang ditetapkan. iii. Memberi pertolongan kecemasan bagi kecederaan ringan iv. Membantu kakitangan perubatan yang bertugas semasa operasi kecemasan dilaksanakan. 	Skuad Uniti
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan	Skuad Uniti

PANDUAN ASAS KHIDMAT BANTU MULA DALAM ASPEK PENGURUSAN TEMPAT PERLINDUNGAN

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas pengurusan tempat perlindungan daripada JKM	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri / Daerah / JKM
	Sumber/ Bahan/ Perkakasan	Penyediaan sumber rekod profil bangunan / kawasan selamat dan bersesuaian sebagai tempat perlindungan	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Pemberian Perkhidmatan	<p>Membantu JKM dan agensi yang berkenaan melalui penyelarasan bersama berkaitan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengiringi dan memberi khidmat kebajikan kepada mereka yang kehilangan tempat kediaman ii. Membantu urusan pemindahan dan tempat tumpangan. iii. Mengurus dan menyediakan tempat tumpangan. iv. Membantu urusan penyediaan makanan, pakaian, tempat rujukan dan pertanyaan. 	Skuad Uniti
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan.	Skuad Uniti

PANDUAN ASAS PENGURUSAN MAKLUMAT BERKAITAN SISTEM AMARAN AWAL

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas pengurusan tempat perlindungan daripada JKM/KKM	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri / Daerah / JKM
	Sumber Bahan/ Perkakasan	Penyediaan profil kawasan /lokaliti komuniti khususnya kemudahan fizikal, asas, no. dihubungi dan lain-lain.	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Pemberian Perkhidmatan	<p>Membantu agensi yang berkenaan melalui penyelaras bersama berkaitan perkara-perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengetahuan mengenai risiko (<i>Risk Knowledge</i>) - mewujudkan asas pengetahuan dan pemahaman berkaitan risiko sesuatu ancaman dalam komuniti dan tahap setiap ancaman. Contoh proses kerja yang perlu dilaksanakan adalah pelaksanaan “<i>community risk assessment</i>” (CRA). ii. Pemantauan - pelan tindakan awal sebelum berlaku ancaman. Contohnya penyediaan notis makluman, <i>billboard</i> yang memaklumkan aras kenaikan air. iii. Kemampuan memberikan maklum balas (<i>Response Capability</i>) - melalui aktiviti mitigasi dan penyediaan papan tanda amaran, bahaya, laluan yang selamat dan mengenal pasti tempat yang selamat. iv. Komunikasi Amaran (<i>Warning Communication</i>) - kaedah penyebaran mesej untuk difahami oleh komuniti melalui medium komunikasi tempatan seperti <i>speaker dewan</i> dan masjid, telefon, kumpulan <i>whatsapp</i>. 	Skuad Uniti
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan	Skuad Uniti

PANDUAN ASAS PENJAGAAN ASAS PSIKO SOSIAL

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas berkaitan penjagaan psikososial daripada pihak JKM/Universiti dan lain-lain.	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri / Daerah / JKM
	Sumber/ Bahan/ Perkakasan	Penyediaan profil kawasan/lokaliti komuniti khususnya kemudahan fizikal, asas, no. dihubungi dll.	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Pemberian Perkhidmatan	Membantu agensi yang berkenaan melalui penyelaras bersama berkaitan perkara-perkara berikut ke atas mangsa tragedi: <ol style="list-style-type: none"> i. Kesan ke atas kewangan ii. Kesan ke atas keluarga iii. Gangguan aktiviti sosial iv. Masalah kesihatan fizikal v. Sokongan moral 	Skuad Uniti
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan.	Skuad Uniti

PANDUAN MEMBANTU DALAM ASAS PENILAIAN KEROSAKAN (*INITIAL DAMAGE ASESSMENT*)

PROSES	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Sebelum Pelaksanaan	Latihan/ Kemahiran	Menerima latihan dan mendapat pengiktirafan asas penilaian kerosakan daripada pihak PBT/ Majlis Perbandaran/JKM.	Skuad Uniti / IKLIN / JPNIN Negeri / Daerah / JKM
	Sumber/ Bahan/ Perkakasan	Penyediaan profil kawasan/lokaliti komuniti khususnya kemudahan fizikal, asas, no. dihubungi	JPNIN / Skuad Uniti
Semasa Pelaksanaan	Pemberian Perkhidmatan	<p>Membantu agensi yang berkenaan melalui penyelarasan bersama berkaitan perkara-perkara berikut ke atas mangsa tragedi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesan tragedi dari segi kewangan ii. Kesan dari segi fizikal iii. Kesan kepada komuniti dan kenal pasti bantuan yang diperlukan. iv. Kesan ke atas aktiviti sosial komuniti dan tindakan intervensi yang perlu dilaksanakan bagi memulihkan keadaan. 	Skuad Uniti
Selepas Pelaksanaan	Laporan	Semua jenis aktiviti dan proses kerja hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada PPN Negeri yang berkenaan.	Skuad Uniti

Pilihan Kemaskini Profail :
Tambah/ Padam/ Skuad Uniti Tidak Aktif/Skuad Uniti Baru/Skuad Uniti Sedia Ada

Lampiran SU 1



PROFAIL SKUAD UNITI

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

NEGERI :
SKUAD UNITI PENUBUHAN :

SKUAD UNITI DAERAH / BAHAGIAN :

MAKLUMAT SKUAD :

BUTIRAN SKUAD UNITI	
ALAMAT KRT/ SKUAD	
TARIKH PENUBUHAN SKUAD UNITI	(MAKLUMATINI AKAN GENERATE DATA KE INTERFACE SKUAD UNITI)
KETUA SKUAD	
NAMA PENUH	
NO.KP	
NO. TEL	
ALAMAT RUMAH	
EMEL	
PEKERJAAN	
NAMA KRT	
PENGLIBATAN DALAM KRT	AJK RT/PERONDA SRS/ MEDIATOR KOMUNITI/KOMUNITI RT
SETIAUSAHA SKUAD	
NAMA PENUH	
NO.KP	
NO. TEL	
ALAMAT RUMAH	
EMEL	
PEKERJAAN	
NAMA KRT	
PENGLIBATAN DALAM KRT	AJK RT/PERONDA SRS/ MEDIATOR KOMUNITI/KOMUNITI RT

Sekurang-kurangnya 2 biro setiap Skuad Uniti

BIRO.....SKUAD UNITI (jika ada misalnya Jawatankuasa Kecemasan,Khidmat Komuniti, Kebajikan, dll mengikut keperluan)	
*Tambah ruangan mengikut bilangan Jawatankuasa Kecil Skuad	
NAMA PENUH	
NO.KP	
NO. TEL	
EMEL	
PEKERJAAN	
NAMA KRT	
PENGLIBATAN DALAM KRT	AJK RT/PERONDA SRS/ MEDIATOR KOMUNITI/KOMUNITI RT
BIROSKUAD UNITI	
NAMA PENUH	
NO.KP	
NO. TEL	
EMEL	
PEKERJAAN	
NAMA KRT	
PENGLIBATAN DALAM KRT	AJK RT/PERONDA SRS/ MEDIATOR KOMUNITI/KOMUNITI RT
JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK (Berdasarkan isu/keperluan komuniti)	
AGENSI / BADAN NGO/ SWASTA 1	
NAMA AGENSI/ BADAN	
NAMA PEGAWAI/ RUJUKAN	
NO. TELEFON	
JENIS KERJASAMA YANG DIPERSETUJUI	
AGENSI / BADAN NGO/ SWASTA 2	
NAMA AGENSI/ BADAN	
NAMA PEGAWAI/ RUJUKAN	
NO. TELEFON	
JENIS KERJASAMA YANG DIPERSETUJUI	
AGENSI / BADAN NGO/ SWASTA 3	
NAMA AGENSI/ BADAN	
NAMA PEGAWAI/ RUJUKAN	
NO. TELEFON	
JENIS KERJASAMA YANG DIPERSETUJUI	
SKOP PERKHIDMATAN SKUAD UNITI : Bantu mula kecemasan/ Khidmat Komuniti / Mediasi Komuniti	

Lampiran SU 2**PERANCANGAN AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN SKUAD UNITI
TAHUN :.....**

SKUAD UNITI DAERAH :
NEGERI :

BIL.	PERANCANGAN AKTIVITI / PERKHIDMATAN	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	BIL. PESERTA	KERJASAMA
1	Kursus Kemahiran Bantu Mula Kecemasan - Menyelamat di darat		Semua ahli Skuad Uniti		
2	Program Khidmat Komuniti				
3	2 perkhidmatan membantu mengurus situasi kecemasan di daerah		Komuniti RT seluruh daerah		PDRM APM PKD
4.	Mediasi Komuniti (hanya oleh Mediator Komuniti terlatih JPNIN sahaja)		Komuniti RT seluruh daerah yang terkesan dan memerlukan bantuan		

Nota :

- 1- Setiap Skuad Uniti adalah dikehendaki melaksanakan minima 2 jenis aktiviti atau perkhidmatan setahun.
- 2- Bagi Skuad Uniti Perluasan (Baharu) adalah dikehendaki mengikuti :
 - a- 1 kursus kemahiran asas bantu mula (Oleh IKLIN/PPN/PPD/Skuad Uniti) ;
 - b- 2 jenis perkhidmatan/ aktiviti

BOMBA UNITI

PENGENALAN

Penubuhan pasukan Bomba Uniti adalah di bawah peruntukan seksyen 62(1)(Ca) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan tertakluk kepada kawalan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan penubuhannya tidak akan melibatkan implikasi kewangan terhadap Kerajaan.

Bomba Uniti merupakan gerak kerja komuniti bomba yang ditubuhkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Penasihat Pasukan Bomba Uniti ini hendaklah terdiri daripada Pengarah atau Pegawai Kanan Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional peringkat Negeri atau daerah berkenaan.



BOMBA UNITI

01

Merupakan kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

02

Program transformasi ke arah membudayakan amalan pencegahan dan keselamatan kebakaran.

03

Penubuhan Bomba Uniti akan memastikan kempen keselamatan kebakaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berhubung kesedaran keselamatan kebakaran.

04

Membantu penghuni mengambil tindakan dari aspek pencegahan dan tatacara melawan kebakaran dengan betul kerana mereka lebih memahami bahasa dan budaya komuniti setempat.

Matlamat Penubuhan Bomba Uniti



Objektif utama penubuhan Bomba Uniti adalah sebagai ejen penyampai pengetahuan pencegahan dan keselamatan kebakaran di Kawasan Rukun Tetangga serta bertindak sebagai 'first responder' bagi memadam kebakaran di peringkat awal

Usaha Bomba Uniti dalam menyebarluaskan maklumat berkaitan keselamatan kebakaran akan dapat meningkatkan lagi penghayatan setiap ahli komuniti bagi membudayakan keselamatan kebakaran yang secara langsung akan mengurangkan risiko kehilangan nayawa dan kemasuhan harta benda

Mewujudkan suatu persekitaran kediaman yang selamat dan sejahtera

Mewujudkan kesedaran bahawa keselamatan kebakaran adalah tanggungjawab bersama

PERANAN BOMBA UNITI

05

Meningkatkan amalan pencegahan kebakaran dan budaya keselamatan kebakaran di kalangan masyarakat setempat

04

Memupuk semangat keprihatinan di kalangan masyarakat setempat

03

Menyampaikan dan menjelaskan peranan JBPM kepada masyarakat setempat

01

Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat setempat tentang penggunaan peralatan pepasangan keselamatan kebakaran

02

Memperluaskan ‘networking’ di kalangan pemimpin setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli profesional dengan JBPM

STRUKTUR ORGANISASI SUATU JAWATANKUASA YANG DINAMAKAN JAWATANKUASA

Pengerusi Pasukan Bomba Uniti hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Pengurusan Rukun Tetangga. Struktur Jawatan kuasa Bomba Uniti adalah seperti berikut :

1. Pengerusi
2. Timbalan Pengerusi
3. Setiausaha
4. Penolong Setiausaha
5. Empat ahli Jawatankuasa

Syarat - Syarat Keahlian Bomba Uniti

1

Terbuka kepada penduduk setempat yang berumur 18 tahun ke atas, mempunyai keupayaan kesihatan yang baik

2

Tiap-tiap pemohon yang permohonan yang telah diluluskan hendaklah memberikan pengakuan taat setia sebagai ahli pasukan

3

Memberi notis dalam tempoh tidak kurang daripada satu bulan jika hendak berhenti daripada menjadi ahli pasukan atau berpindah ke kawasan lain

4

Permohonan untuk menjadi ahli akan dikenakan bayaran sebanyak sepuluh ringgit Malaysia (RM10).

Peraturan yang perlu di patuhi oleh Bomba Uniti

1

Semasa menjalankan operasi memadam kebakaran pasukan dilarang melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang.

2

Memberitahu Ketua Pasukan dengan kadar segera bila tidak dapat aktif kerana sakit atau urusan-urusan peribadi.

3

Pasukan atau ahli-ahlinya dilarang mengadakan sebarang permainan perjudian di tempat persediaan atau mana-mana tempat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pergerakan Pasukan Bomba Uniti

4

Mematuhi segala arahan Pegawai Kanan Bomba yang mengetuai operasi pemadaman tersebut supaya mengelakkan percanggahan dan bahaya-bahaya tidak seragam dalam tindakan operasi.

5

Tidak dibenarkan memberi maklumat tentang hal-hal kebakaran yang dihadiri kepada media massa.

AKTIVITI BOMBA UNITI

TEMAN PILI BOMBA	
MENJAGA DAN MENYELENGGARA PILI BOMBA	KAEDAH PELAKSANAAN
<p style="text-align: center;">Tujuan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk memastikan pili-pili bomba di kawasan setempat sentiasa dalam keadaan baik dan tidak dihalang atau dirosakkan dengan apa cara sekalipun. 2. Untuk memastikan masyarakat mengetahui kepentingan penjagaan pili bomba sebagai kemudahan awam untuk perlindungan nyawa dan harta benda. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Merupakan satu skim penjagaan pili-pili bomba oleh komuniti setempat supaya sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Boleh dilaksanakan oleh individu atau kumpulan ke atas satu atau lebih unit pili bomba. 2. Menjalankan kerja-kerja pembersihan sekitar pili bomba supaya tidak dihalang atau dilindungi atau dirosakkan. 3. Sijil penghargaan akan diberikan kepada mereka yang menyertai skim ini.

PROGRAM TURUN PADANG	
PAMERAN / CERAMAH/ DISKUSI KEBOMBAAN	KAEDAH PELAKSANAAN
<p style="text-align: center;">Tujuan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk menyampaikan pengetahuan berkaitan pencegahan dan keselamatan kebakaran. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai JBPM hadir ke KRT dan bersama-sama menjalankan aktiviti / pameran / ceramah / diskusi kebombaan.

FIRE POINT	
MEWUJUDKAN DAN MENGAWAL SELIA FIRE POINT	KAEDAH PELAKSANAAN
<p style="text-align: center;">Tujuan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk memadam kebakaran di peringkat awal. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Alat pemadam api ditempatkan di laluan keluar. 2. Hose dan hose fitting ditempatkan berhampiran dengan sumber air atau pili bomba.

LATIHAN KEBOMBAAN

PEFUNGSIAN DAN PELEPASAN DIRI	Kaedah Pelaksanaan
<p>Tujuan Untuk meningkatkan kemahiran ahli Bomba Uniti membuat pefungsian dan pelepasan diri ketika kebakaran/kecemasan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pasukan Bomba Uniti boleh membuat aktiviti ini bersama JBPM. 2. Latihan pefungsian dan pelepasan diri boleh juga dilaksanakan di kediaman komuniti.

PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN KANAK-KANAK (KELAB 3K)

PERTANDINGAN MEWARNA	Kaedah Pelaksanaan
<p>Tujuan Untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kanak-kanak berkaitan bahaya kebakaran.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pasukan Bomba Uniti boleh membuat aktiviti ini bersama JBPM

FIRE SAFETY AUDIT

MELAKSANAKAN SENARAI SEMAK KESELAMATAN KEBAKARAN	Kaedah Pelaksanaan
<p>Tujuan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk membudayakan masyarakat dengan amalan <i>Goodhouse Keeping</i> bagi mencegah wujud bahaya kebakaran 2. Untuk memastikan pepasangan pasif tidak terhalang / dihalang supaya sentiasa berada dalam keadaan baik. 3. Untuk memastikan pepasangan aktif diselenggara dalam keadaan baik 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pasukan Bomba Uniti boleh membuat aktiviti ini secara bersendirian atau juga bersama dengan JBPM

Program	Bulan											
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Teman Pili Bomba												
Program Outreach												
Latihan Kebombaan												
Program Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak												
Fire Safety Audit												
Fire Point												

* Tertakluk kepada pelaksanaan setiap negeri

Aktiviti yang dijalankan

Negeri :			Bulan :										Tahun :			
Bil	Zon/ Balai	Nama KRT& Alamat	Teman Pili Bomba		Program Outreach			Latihan Kebombaan			Program Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak		Fire Safety Audit	Fire Point	Catatan	
			Tarikh	Bil. Peserta	Tarikh	Bil. Peserta	Tarikh	Bil. Peserta	Tarikh	Bil. Peserta	Tarikh	Bil. Peserta				
Jumlah																

- A Menjaga dan Menyelenggara Pili Bomba
- B Seminar/Ceramah
- C Pameran
- D Lawatan Balai
- E Memadam kebakaran menggunakan alat pemadam api
- F Pengungsiang Bangunan
- G Peraduan mewarna
- H Permainan kebombaan
- I Pemantauan keselamatan kebakaran
- J Menetapkan dan mengawal selia Fire Point

GERAK KERJA KRT BERSIH DAN INDAH



GERAK KERJA KRT BERSIH DAN INDAH

Pengenalan

Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah memfokuskan kepada program pembersihan dan pengindahan kawasan komuniti. Di bawah agenda ini, KRT melaksanakan pelbagai aktiviti pembersihan dan pengindahan seperti gotong-royong, penanaman pokok, lanskap dan kitar semula.

Objektif

- 1** Memastikan persekitaran komuniti KRT bebas daripada pencemaran
- 2** Pendedahan kepada pengetahuan penjagaan alam sekitar kepada komuniti KRT
- 3** Mewujudkan suasana yang selesa dan kondusif di Kawasan Rukun Tetangga.





GERAK KERJA KRT BERSIH DAN INDAH



KEJIRANAN HIJAU

DEFINISI

KRT Hijau adalah aktiviti mengindah dan menceriakan kawasan perumahan atau kejiranans melalui aktiviti-aktiviti membuat lanskap rumah individu dan koridor jalan secara sukarela dan gotong-royong bagi membentuk satu persekitaran kediaman yang cantik, indah dan mempunyai identiti atau karakter sendiri.



TUJUAN

- KRT sebagai platform untuk komuniti setempat menjalankan aktiviti pengindahan di kawasan kejiranans secara sukarela.
- KRT menyelaras penubuhan, pelaksanaan program, promosi dan pelaporan program KRT Hijau.
- KRT berperanan di dalam kempen kesedaran kepada masyarakat untuk mencintai alam semulajadi dan lanskap.

KAEDAH PELAKSANAAN KEJIRANAN HIJAU



CARTA PENUBUHAN KEJIRANAN HIJAU

CARTA ALIR PROSES PENUBUHAN KEJIRANAN HIJAU

TIDAK
LULUS

1

KRT mendapatkan nasihat dan kebenaran Dari PBT untuk melaksanakan Kejiranan Hijau

2

KRT menubuhkan Pasukan Kejiranan Hijau di peringkat KRT

3

KRT menghantar borang permohonan kelulusan kepada Jabatan Lanskap Negara

4

LULUS

5

KRT menyampaikan maklumat pelaksanaan Kejiranan Hijau

6

KRT memohon pelaksanaan Bengkel Lanskap kepada JLN / PBT

7

KRT kenalpasti peserta-peserta yang berminat dengan pelaksanaan Kejiranan Hijau

8

LULUS

9

KRT menyelaras pelaksanaan Bengkel Lanskap

10

KRT menyediakan laporan dan dihantar kepada agensi berkaitan


KEBUN KOMUNITI

DEFINISI

Kebun Komuniti (*Community Garden*) merupakan aktiviti penanaman dan menjaga tanaman makanan oleh komuniti setempat di dalam kawasan atau tapak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

TUJUAN

- Menyediakan peluang secara kolektif untuk komuniti setempat berkebun sambil berekreasi bagi menghasilkan produk makanan untuk kegunaan sendiri.
- Menambahkan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup malah usaha untuk mengindahkan kawasan persekitaran perumahan dapat direalisasikan.





CARTA ALIR PROSES PENUBUHAN KEBUN KOMUNITI


TIDAK LULUS

- 1 KRT mengenalpasti kawasan tapak yang sesuai untuk dijadikan sebagai kebun komuniti
- 2 KRT mengemukakan permohonan rasmi dan kebenaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan
- 3 LULUS
- 4 KRT kenalpasti peserta-peserta yang berminat dengan pelaksanaan Kebun Komuniti
- 5 KRT mendapatkan nasihat dari pelaksanaan dari agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, PBT, Jabatan Lanskap Negara dan sebagainya
- 6 KRT menyelaras pemantauan dan penyediaan laporan kebun komuniti kepada agensi berkaitan

i-MAN (Indah & Nyaman)

Pengenalan

Aktiviti penjagaan dan pemuliharaan kawasan lapang yang meliputi taman mini, taman kejiranan dan lot-lot permainan melalui aktiviti gotong-royong penyelenggaraan tanaman, pemberian kecil lanskap kejur dan pencegahan perbuatan vandalisma atau laku musnah.



Cara-cara pelaksanaan

KRT kenalpasti kawasan yang berpotensi untuk pelaksanaan program i-MAN

1

KRT mendapatkan kebenaran dari PBT untuk melaksanakan program i-MAN

2

KRT bersama PBT kenalpasti bidang / skop tugas yang bersesuaian untuk dilaksanakan program i-MAN

3

KRT menggembung masyarakat setempat untuk melaksanakan program i-MAN

4

KRT menghantar laporan kepada agensi yang berkaitan

5

KAEDAH PELAKSANAAN i-MAN



Pemangkasaan


Pemangkasan pokok renek secara berkala (2 bulan / sekali)

Pemangkasan pokok teduhan secara berkala (4 bulan / sekali)



Pembajaan

Pembajaan pokok renek (1 kali / sebulan) dan pokok teduhan (4 bulan / sekali) mengikut sukaan yang sesuai



Pembajaan kecil

Pembajaan kecil lanskap kejur hendaklah dilakukan secara berterusan sepanjang tahun



Penanaman pokok

Aktiviti penanaman pokok dicadangkan 6 bulan sekali

Jabatan Lanskap Negara
http://jln.kpkt.gov.my/rakan_taman
rakan.taman.jln@gmail.com

CARTA ALIR i-MAN

TIDAK
LULUS

- 1 KRT mengenalpasti kawasan lapang yang sesuai untuk dijadikan sebagai program i-MAN
- 2 KRT mengemukakan permohonan rasmi dan kebenaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan
- 3 LULUS
- 4 KRT kenalpasti bidang/skop kerja yang bersesuaian untuk dilaksanakan
- 5 KRT menggembung usaha komuniti untuk bekerjasama melaksanakan aktiviti i-MAN
- 6 KRT menyelaras pemantauan dan penyediaan laporan kepada agensi berkaitan



Senarai Semak

Keindahan

SENARAI SEMAK		
KEINDAHAN		
Pengurusan Lanskap Bagi Pembangunan Jenis Bertingkat/ Bertanah	✓	✗
i Susun atur dan olahan lanskap		
Berkonsep / bertema / kreatif		
Tidak berkonsep / bertema / kreatif		
ii Lanskap lembut		
Diselenggara dengan baik		
Tidak diselenggara dengan baik		
iii Lanskap kejur/keras		
Diselenggara dengan baik		
Tidak diselenggara dengan baik		
iv Menggunapakai bahan terbuang dalam rekabentuk		
Ada		
Tiada		
v Keindahan keseluruhan kawasan kejiranan		
Sangat memuaskan		
Kurang memuaskan		
vi Keperluan kos untuk membina lanskap		
Memerlukan bantuan kewangan dari agensi luar		
Melaksanakan kutipan di kalangan penduduk		
vii Penglibatan komuniti dalam aktiviti pengurusan lanskap		
Mengadakan aktiviti gotong-royong 4 kali setahun		
Mengadakan aktiviti gotong-royong lebih dari 4 kali setahun		

PROGRAM 3R KRT

TUJUAN PELAKSANAAN



KRT dapat mengetahui cara dan kaedah yang betul untuk melakukan pengasingan sisa melalui 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).

KRT membuat perancangan untuk melaksanakan program pengasingan sisa melalui 3R bersama penduduk.

KRT dapat menjana sumber pendapatan dan seterusnya mewujudkan industri dan usahawan melalui barang kitar semula.

KAEDAH PELAKSANAAN

KRT mengadakan perbincangan bersama penduduk

KRT mengenalpasti lokasi untuk pengasingan dan pengumpulan barang kitar semula

KRT mengadakan promosi dan hebahan kempen pengasingan 3R kepada penduduk

KRT melaksanakan aktiviti 3R bersama penduduk



Projek Jom Kompos

KAEDAH PELAKSANAAN

PERINGKAT PERANCANGAN

- 1) Menentukan komuniti yang akan terlibat
- 2) Menentukan teknik kompos yang digunakan
- 3) Menubuhkan pasukan petugas dan menjalankan lawatan ke komuniti yang dipilih untuk menentukan lokasi kompos.

PERINGKAT PELAKSANAAN

- 1) Melaksanakan kolaborasi (pasar/kedai makan)
- 2) Menyediakan kemudahan kompos
- 3) Menjalankan aktiviti kompos

PERINGKAT PEMANTAUAN

KRT mengadakan pemantauan bersama komuniti bagi memastikan pelaksanaan penghasilan baja kompos berjaya



TUJUAN PELAKSANAAN

KRT dapat menghasilkan baja kompos untuk kegunaan komuniti menggunakan sisa makanan

KRT memberi kesedaran kepada komuniti mengenai pengurusan sisa pepejal makanan yang betul

KRT membantu mengurangkan kos penyelenggaraan kebun komuniti

Menghasilkan baja kompos untuk kegunaan komuniti menggunakan sisa makanan

PROGRAM GOTONG – ROYONG RT4ALL

TUJUAN PELAKSANAAN

Meningkatkan kesedaran komuniti agar kawasan kediaman sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang masalah yang boleh membawa kemudaratan.

Peranan Rukun Tetangga sebagai penggerak kepada masyarakat yang bertanggungjawab terhadap penjagaan persekitaran yang bersih dan mewujudkan komuniti yang bekerjasama dengan pihak agensi kerajaan dalam menjayakan misi menjadikan Malaysia negara bersih.



KAEDAH PELAKSANAAN

Mengenal Pasti
Lokasi Gotong Royong



Perbincangan di
peringkat KRT



Pelaksanaan
Gotong Royong



Laporan
Gotong Royong



Penambahan dan
Pemantauan Berterusan

SENARAI SEMAK

KEBERSIHAN

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Pembangunan Jenis Bertanah / Bertingkat

i. Tong Sampah

- Menggunakan tong sampah yang dibekalkan, ditutup dengan kemas dan bersih
- Tong sampah tidak ditutup dan kawasan sekeliling kurang bersih
- Tiada tong sampah/gantung pada pagar/longgokan sampah

ii. Kawasan Sekeliling

- Jalan hadapan, lorong belakang dan longkang berkeadaan bersih
- Jalan hadapan, lorong belakang dan longkang kurang bersih

iii. Penglibatan Komuniti Dalam Aktiviti Penjagaan Kebersihan

- Mengadakan aktiviti gotong - royong 4 kali setahun
- Kempen Penjagaan Kebersihan sekurang - kurangnya 2 kali setahun

iv. Amalan 3R dan Pengasingan Sisa

- Mempraktikkan amalan pengasingan sisa di rumah dan mempunyai Ikon Kitar Semula Komuniti di setiap zon
- Mengadakan ceramah berkaitan 3R & Pengasingan Sisa
- Menyediakan tempat kitar semula
- Menganjurkan aktiviti kitar semula

GERAK KERJA KRT SIHAT



GERAK KERJA KRT SIHAT

PENGENALAN

Gerak Kerja KRT Sihat berperanan untuk memastikan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bebas dari sebarang jangkitan penyakit berjangkit mahupun penyakit tidak berjangkit.

Mencegah dan menghalang penularan penyakit berjangkit

Sebagai barisan hadapan dalam kawasan komuniti, Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga berperanan melaksanakan tindakan untuk mencegah dan menghalang penularan penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit adalah disebabkan oleh serangan virus atau wabak. Beberapa wabak virus pernah dan sedang menjangkiti rakyat Malaysia iaitu virus nipah, virus denggi, selsema burung, influenza A, H1N1 dan juga COVID 19. Berikut merupakan contoh tindakan yang boleh dilaksanakan oleh AJK RT dalam menangani pandemik. Sebagaimana yg berlaku ketika ini iaitu pandemik Covid 19.



Mencegah penyakit tidak berjangkit

TINDAKAN

**Mencegah
Penyakit
tidak
berjangkit**

Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN):
Memperkasakan komuniti sebagai sukarelawan dalam membuat saringan kesihatan, aktiviti kecergasan dan gaya hidup sihat

Program Communication for Behavioral Impact (COMBI):
Memperkasakan komuniti untuk memelihara kebersihan kawasan bagi mencegah denggi





KOMUNITI SIHAT
PERKASA NEGARA
[KOSPEN]

LATAR BELAKANG PROGRAM

Masalah Penyakit Tidak Berjangkit (*Non-Communicable Disease-NCD*) perlu dipandang serius oleh semua pihak bukan sahaja Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) malah oleh kementerian serta agensi lain selain komuniti sendiri.

Penyakit Tidak Berjangkit utama yang perlu diberikan perhatian dan berkongsi faktor risiko yang sama adalah:

- a) diabetis atau penyakit kencing manis
- b) penyakit kardiovaskular termasuk hipertensi dan strok
- c) kanser dan penyakit respiratori kronik

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh KKM dalam memberikan pengetahuan dan kesedaran tentang pencegahan penyakit NCD dan faktor risikonya .Sudah tiba masanya pengetahuan yang diberikan ditukarkan kepada amalan harian mudah yang memberi impak positif ke atas tahap kesihatan seterusnya persekitaran yang kondusif diwujudkan agar amalan-amalan ini diterapkan menjadi budaya sihat di kalangan penduduk negara ini.

KONSEP *HOLDING HANDS*



OBJEKTIF KOSPEN

OBJEKTIF 01

Membentuk komuniti Kawasan Rukun Tetangga yang sihat dan produktif melalui pembiayaan amalan gaya hidup sihat seiring dengan peningkatan potensi diri, pemantapan tahap sosio-ekonomi serta pembangunan yang mampan.

Mendekatkan dan meluaskan capaian program komuniti bagi membentuk komuniti sihat, bebas dari Penyakit Tidak Berjangkit yang merupakan beban utama negara masa kini.

OBJEKTIF 02

Dapat menambah nilai program dan aktiviti-aktiviti di bawah JPNIN melalui penerapan elemen pendidikan asas pencegahan dan prosedur mudah pengesanan faktor penyakit tidak berjangkit.

OBJEKTIF 03

Mewujudkan sekumpulan sukarelawan terlatih di kalangan ahli komuniti di Kawasan Rukun Tetangga.

OBJEKTIF 04

STRATEGI-STRATEGI BAGI MEMPERKASAKAN INDIVIDU DAN KOMUNITI MENGENAI GAYA HIDUP SIHAT

01

Meningkatkan kesedaran individu dan komuniti tentang faktor risiko yang berkaitan, langkah pencegahan asas serta prosedur mudah pengesanan faktor risiko.



Menerapkan polisi kesihatan dan mewujudkan persekitaran yang menyokong pelaksanaan gaya hidup yang sihat.

02

03

Melaksanakan intervensi khusus bagi faktor risiko tertentu seperti obesiti, tidak merokok, kemudaran alkohol dan kesihatan mental.



Menterjemahkan pengetahuan kesihatan kepada perubahan tingkah laku yang sesuai dengan penduduk setempat.

04

AKTIVITI KOSPEN DI LOKALITI

Perlaksanaan aktiviti kesihatan berdasarkan 7 skop di peringkat lokaliti / KRT.


Pelaksanaan aktiviti saringan faktor risiko penyakit di lokaliti /KRT yang mengambil bahagian, memberi pendidikan kesihatan aras yang berkaitan serta membuat rujukan kes yang mematuhi kriteria rujukan.

Latihan kepada sukarelawan yang akan melaksanakan aktiviti KOSPEN-RT.

Bekalan dan edaran bahan -bahan pendidikan serta bahan-bahan pemeriksaan kendiri.

Penerapan polisi sihat dan pewujudan persekitaran yang sihat.

Aktiviti pemantauan dan kajian yang berkaitan .



PENTADBIRAN KOSPEN-RT

1

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- Ibu Pejabat KKM
- Pasukan Khas iNCD peringkat daerah
 - Pegawai Perubatan dan Kesihatan
 - Pegawai Sains Makanan
 - Paramedik
 - Pegawai Pendidikan Kesihatan
 - Pegawai Kesihatan Persekutuan
 - Pegawai Perubatan dari Klinik Kesihatan

2

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

- KPN
- Ibu Pejabat JPNIN
- JPNIN peringkat Negeri
- JPNIN peringkat Daerah / Bahagian

3

KAWASAN rukun TETANGGA

Sukarelawan
KOSPEN RT

4

BADAN BUKAN KERAJAAN

Menjadi pemudahcara kepada komuniti dalam membudayakan gaya hidup sihat serta membantu KPN dan KKM



TANGGUNGJAWAB PASUKAN iNCD

PERINGKAT DAERAH	
JAWATAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
Pegawai Perubatan dan Kesihatan	<p>1) Menjadi penyelaras kesihatan dalam aktiviti KOSPEN-RT.</p> <p>a) Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mengetuaui pasukan iNCD. ii) Memberi taklimat kepada pentadbir komuniti / lokaliti (ketua komuniti / ketua jabatan, dll). iii) Menyelaras keperluan dan agihan peruntukan kewangan. iv) Menganggotai Jawatankuasa dan menghadiri mesyuarat projek. v) Membantu merancang aktiviti intervensi komuniti. vi) Menghadiri aktiviti projek (jika perlu). vii) Melantik seorang anggota kesihatan dari klinik kesihatan yang terdekat untuk menjadi penyelaras projek komuniti tersebut. viii) Mengatur hubungan dengan lain-lain agensi yang berkaitan. ix) Memastikan kelangsungan projek (<i>sustainability</i>) <p>b) Memberi input teknikal dalam aspek perlaksanaan KOSPEN-RT:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Latihan <p>2) Memantau perkembangan dan keberkesanan pelaksanaan KOSPEN-RT:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menyelaras pelaporan KOSPEN-RT dari lokaliti secara online atau secara manual. b) Membuat analisa dan laporan pencapaian, aktiviti KOSPEN-RT c) Membentangkan hasil analisa kepada <i>stakeholders</i>.

TANGGUNGJAWAB PASUKAN iNCD

PERINGKAT DAERAH	
JAWATAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
Pegawai Sains Pemakanan (PSP)	<ol style="list-style-type: none"> Merangka aktiviti pemakanan yang melibatkan sukarelawan/komuniti KRT seperti demonstrasi masakan dan pertandingan memasak. Memberi input teknikal kepada sukarelawan/komuniti KRT yang akan mengendalikan aktiviti di dalam projek kesihatan komuniti. Mengendalikan bengkel latihan kepada sukarelawan/komuniti KRT berkenaan cara masakan sihat, keperluan kalori dan <i>calorie tagging</i>. Menyampaikan ceramah pemakanan kepada komuniti. Menganalisa data BMI dan merangka aktiviti mengikut analisa situasi setempat. Membantu merangka aktiviti pemakanan dalam program pengurusan berat badan.
Pegawai Sains Pemakanan (PSP)	<ol style="list-style-type: none"> Membantu merangka aktiviti pemakanan dalam program pengurusan berat badan. Membantu memberi input teknikal berkaitan dalam pelaksanaan KOSPEN-RT. Membantu mengalakkan penyertaan komuniti. Membantu dalam pemantauan aktiviti KOSPEN-RT.
Pegawai/ Penolong Kesihatan Persekitaran (PPKP)	<ol style="list-style-type: none"> Membantu ketua pasukan iNCD dalam memberikan input teknikal berkaitan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) kepada komuniti KOSPEN-RT. Memastikan semua tempat larangan merokok di lokaliti KOSPEN-RT mematuhi peraturan 11 dan 12 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT). Membantu mengalakkan penyertaan komuniti. Membantu dalam pemantauan aktiviti KOSPEN-RT.

TANGGUNGJAWAB PASUKAN iNCD

PERINGKAT DAERAH	
JAWATAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
Pegawai Pendidikan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none">Menjalankan analisa situasi kasar berkenaan aktiviti fizikal di lokaliti KOSPEN-RT.Merangka aktiviti dan memberi input teknikal bagi membantu pelaksanaan aktiviti fizikal dalam komuniti dan pengurusan berat badan.Bertanggungjawab dalam mengenalpasti bahan-bahan pendidikan kesihatan yang berkaitan.Merangka strategi promosi kesihatan di komuniti.

TANGGUNGJAWAB

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

PERINGKAT DAERAH	
JAWATAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan	<div style="display: flex; justify-content: space-between; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>Mengumpul senarai cadangan lokaliti / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dari semua negeri untuk dikemukakan kepada KKM.</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Mengumpul dan menyemak laporan aktiviti dari semua negeri untuk tujuan pemantauan</p> </div> </div>
Pejabat Perpaduan Daerah/ /Bahagian	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: flex-end;"> <div style="text-align: center;">  <p>Mengenal pasti lokaliti / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) cadangan dibawah seliaan JPNIN dan mengemukakan kepada Pejabat JPNIN Negeri untuk dikumpul dan dihantar ke ibu pejabat JPNIN. Ibu pejabat JPNIN akan membuat kumpilasi dan mengemukakan kepada KKM</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Menerapkan komponen-komponen KOSPEN-RT ke dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak JPNIN dengan kerjasama pasukan sukarelawan KOSPEN-RT</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Sebagai penasihat bersama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti KOSPEN-RT di lokaliti / Kawasan Rukun Tetangga (KRT)</p> </div> </div>

TANGGUNGJAWAB SUKARELAWAN KOSPEN-RT

Sukarelawan terdiri dari penduduk komuniti yang dipilih oleh Pengerusi Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti KOSPEN-RT di komuniti tersebut. Setiap lokaliti / KRT dikehendaki melantik bilangan sukarelawan berdasarkan bilangan skop yang dilaksanakan. Walaubagaimanapun, bilangan sukarelawan bergantung kepada keperluan dan keupayaan komuniti setempat.

KRITERIA PEMILIHAN SUKARELAWAN KOSPEN-RT



TANGGUNGJAWAB SUKARELAWAN KOSPEN-RT

LATIHAN

Semua sukarelawan perlu dilatih oleh Pasukan iNCD menggunakan Modul Latihan KOSPEN di daerah-daerah berkenaan

IDENTIFIKASI SUKARELAWAN

Semua sukarelawan yang telah dilatih akan diberikan sijil lantikan.

TUGAS-TUGAS AM SUKARELAWAN KOSPEN-RT



TUGAS-TUGAS KHAS SUKARELAWAN KOSPEN-RT

AMALAN PEMAKANAN SIHAT



Menjalankan aktiviti kesedaran mengenai kepentingan untuk menjaga pengambilan kalori



Membantu mengenalpasti tempat kembara pemakanan sihat dan menyelaras bersama pihak kesihatan aktiviti berkaitan yang akan dijalankan



Menyelaras laporan aktiviti pemakanan sihat di peringkat komuniti

01

Mengamalkan dan mempromosikan pemakanan yang sihat dan seimbang



Menerapkan dan membudayakan polisi Menu Sihat Semasa Majlis Rasmi di lokality

02

03

04

05

06



Menggalakkan penglibatan peniaga warung membangunkan warung sihat dan mempromosi kepentingan pemilihan warung sihat di kalangan komuniti



HIDUP YANG AKTIF

01

Mengamalkan dan mempromosikan hidup yang aktif.

02

Memastikan terdapat trek berjalan kaki dengan informasi kesihatan di kawasan komuniti mengikut kesesuaian komuniti.

03

Menyelaras penglibatan golongan yang berisiko dalam aktiviti-aktiviti sukan dan riadah di peringkat komuniti.

04

Memastikan penyertaan peserta program intervensi khusus pengurangan berat badan bagi kes berlebihan berat badan dan obes.

05

Merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti fizikal / sukan / riadah secara berkala yang bersesuaian.

06

Menyelaras laporan aktiviti fizikal di peringkat komuniti.



TUGAS-TUGAS KHAS SUKARELAWAN KOSPEN-RT

PENGURUSAN BERAT BADAN

Membangunkan sudut pemeriksaan kendiri yang mempunyai alat penimbang berat dan pengukur tinggi di komuniti terbabit.

Memastikan bahan-bahan rujukan dan bahan pendidikan pengurusan berat badan dipamerkan di sudut pemeriksaan kendiri.

Memastikan peralatan di sudut kendiri di buat diselenggara.



Menyelaras pelaksanaan program pengurusan berat badan bersama agensi yang berkaitan.

Memastikan penyertaan peserta program intervensi khusus pengurangan berat badan bagi kes berlebihan berat badan dan obes serta menguruskan reten-reten berkaitan.

TUGAS-TUGAS KHAS SUKARELAWAN KOSPEN-RT

AMALAN TIDAK MEROKOK

Mengamalkan dan mempromosikan amalan tidak merokok.

1

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam program Rumahku Bebas Asap Rokok (RBAR).

2

Menggalakkan inisiatif Majlis Bebas Asap Rokok (MajBAR) semasa majlis dianjurkan dalam lokaliti KOSPEN-RT.

3

AMALAN
TIDAK
MEROKOK

4

Merujuk kes yang ingin mendapatkan perkhidmatan berhenti rokok ke klinik kesihatan atau mana mana fasiliti yang menyediakan perkhidmatan ini.

5

Membantu pihak kesihatan memastikan semua tempat-tempat larangan merokok di bawah PPKHT 2004 dipasang papan tanda larangan merokok.

6

Menyelaras laporan aktiviti amalan tidak merokok di peringkat komuniti.

MINDA SIHAT

Memastikan komuniti menjalani saringan minda sihat untuk mengenalpasti tanda-tanda stres, kemurungan dan keresahan.

Melakukan intervensi minda sihat kepada komuniti.

Mengamalkan dan mempromosikan kesihatan mental di komuniti.

Membuat rujukan ke klinik kesihatan bagi klien berdasarkan skor saringan minda sihat.



TUGAS-TUGAS KHAS SUKARELAWAN KOSPEN-RT

PENCEGAHAN KEMUDARATAN ALKOHOL

01

Mengamalkan dan mempromosikan pencegahan kemudaratan alkohol di komuniti.

02

Melaksanakan saringan penggunaan alkohol di komuniti dengan menggunakan borang saringan AUDIT-C.

03

Mengenalpasti tahap penggunaan alkohol dalam komuniti yang disaring.

04

Membuat rujukan bagi kes berdasarkan skor AUDIT-C.

05

Memberi panduan dan nasihat berkaitan pengambilan alkohol dan kemudaratannya.

SARINGAN KESIHATAN

01

Mempromosikan saringan kesihatan di kalangan komuniti.

02

Memastikan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas di komuniti tersebut menjalani saringan kesihatan.

03

Memastikan peralatan bagi aktiviti saringan kesihatan disimpan di tempat yang selamat.

04

Memastikan kesemua penduduk yang telah disaring diberi diari kesihatan serta diberi penerangan tentang kegunaannya

05

Memastikan rujukan ke klinik kesihatan dibuat bagi kes-kes yang dikesan mematuhi kriteria rujukan.

06

Menguruskan dan menghantar retenreten yang berkaitan ke pasukan iNCD.




JAWATANKUASA KOSPEN-RT

Bagi melicinkan perancangan dan pelaksanaan KOSPEN-RT, beberapa Jawatankuasa dibentuk di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan lokaliti.

Peringkat Daerah/Bahagian

Carta organisasi peringkat daerah/bahagian adalah seperti berikut:



Terma Rujukan Jawatankuasa KOSPEN-RT Daerah/Bahagian

Pengerusi Bersama

- Bertanggungjawab untuk mempengerusikan mesyuarat di peringkat daerah/bahagian sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun sebaik-baiknya secara bergilir.
- Memastikan pelaksanaan KOSPEN-RT di semua lokaliti / KRT yang terpilih di peringkat daerah/bahagian.
- Memantau dan menyelia pelaksanaan KOSPEN-RT di peringkat daerah/bahagian.

Setiausaha Bersama

Penolong Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian

- Menguruskan keperluan logistik di pihak JPNIN.
- Menyelaras dan memastikan pelaksanaan KOSPEN-RT dalam program-program sedia ada di semua lokaliti/ KRT di peringkat daerah/bahagian.
- Mengumpulkan maklumat berkaitan laporan perkembangan pelaksanaan KOSPEN-RT dari komuniti untuk keperluan analisa dan rujukan jabatan. Membantu memastikan pelaksanaan KOSPEN-RT di peringkat komuniti

Ketua Pasukan iNCD


- Menyelaras aktiviti-aktiviti intervensi komuniti dan merancang latihan untuk sukarelawan.
- Menyalurkan keperluan logistik di pihak kesihatan seperti peralatan, penyelenggaraan dan keperluan kewangan bagi setiap komuniti KOSPEN-RT.
- Mengesahkan analisa yang dibuat oleh Pasukan iNCD di komuniti.
- Memantau perkembangan dan keberkesanan KOSPEN-RT

JAWATANKUASA KOSPEN-RT

Bagi melicinkan perancangan dan pelaksanaan KOSPEN-RT, beberapa Jawatankuasa dibentuk di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan lokaliti.

Peringkat Komuniti

Carta organisasi peringkat komuniti adalah seperti berikut:



JAWATANKUASA KOSPEN-RT

Terma rujukan Jawatankuasa KOSPEN-RT di komuniti

Umum

- Mengadakan mesyuarat penyelarasan secara berkala sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
- Merangka dan merancang bersama-sama Pegawai JPNIN berkaitan pelaksanaan 7 skop utama KOSPEN-RT ke dalam aktiviti JKRT dan JPNIN sedia ada.
- Merangka dan merancang aktiviti tambahan mengikut kesesuaian lokaliti.
- Menyediakan jadual perancangan aktiviti dan memastikan aktiviti dilaksanakan diperingkat lokaliti / KRT.
- Memastikan kesinambungan dan pengekalan program (*sustainability*).

Khusus

- Pengurus jawatankuasa KOSPEN-RT Komuniti bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan 7 skop utama KOSPEN-RT ke dalam Program JPNIN sedia ada.

Terma rujukan Penasihat teknikal kesihatan - Pasukan iNCD

- Bertindak sebagai pembimbing, memberi nasihat teknikal pelaksanaan aktiviti KOSPEN-RT.
- Membantu melatih sukarelawan bersama-sama pihak Rukun Tetangga.
- Mengenalpasti keperluan logistik seperti peralatan saringan, diari kesihatan dan penyelenggaraan peralatan.
- Menyelaras urusan kewangan bagi pihak kesihatan dalam pelaksanaan aktiviti KOSPEN-RT.
- Mendapatkan maklumbalas perjalanan dan prestasi program agar langkah penambahbaikan dapat dijalankan.
- Membuat analisa perkembangan program peringkat daerah.

TATACARA PELAKSANAAN KOSPEN-RT

- i. Mengenalpasti lokaliti/ KRT cadangan di bawah seliaan JKRT dengan persetujuan bersama Pejabat Perpaduan Daerah dan pasukan iNCD daerah.
- ii. Mengemukakan senarai lokaliti kepada Pejabat JPNIN Negeri untuk dikumpul dan dihantar ke Ibu Pejabat JPNIN. Ibu Pejabat JPNIN akan membuat kompilasi dan mengemukakan kepada KKM dan salinan kepada Bahagian Perhubungan Masyarakat, KPN.
- iii. Setelah menerima senarai yang dikemaskini dari KKM, Pejabat Kesihatan Daerah bersama Pegawai Perpaduan Daerah akan melakukan penerangan KOSPEN-RT kepada wakil JKRT yang berkaitan.
- iv. Wakil JKRT yang bersetuju untuk menjalankan aktiviti KOSPEN di lokaliti / KRT seterusnya akan mengenalpasti sekurang-kurangnya lima (5) ahli komuniti yang akan menjadi sukarelawan KOSPEN-RT.
- v. Latihan mengenai tujuh (7) skop KOSPEN akan diberikan kepada semua sukarelawan.
- vi. Setelah menerima latihan, sukarelawan perlu memulakan aktiviti promosi dan advokasi di komuniti masing-masing di mana bahan pendidikan kesihatan akan diberikan bagi tujuan ini.

TATACARA PELAKSANAAN KOSPEN-RT

- vii. Saringan kesihatan akan dilakukan setelah peralatan saringan kesihatan diperolehi. Peserta saringan diberikan pendidikan asas berkaitan penyakit tidak berjangkit dan langkah-langkah pencegahannya. Peserta yang memenuhi kriteria akan dirujuk ke klinik kesihatan untuk ujian pengesahan.
- viii. Sukarelawan akan dibimbing oleh pasukan iNCD yang terdiri dari Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Pegawai / Penolong Pegawai Kesihatan, Persekutaran, Pegawai Sains (Pemakanan), Pegawai Pendidikan Kesihatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan lain-lain jawatan yang berkenaan.
- ix. Sekiranya JKRT tidak bersetuju menjalankan program KOSPEN di lokaliti tersebut, lokaliti baru akan dipilih semula oleh PKD bersama Pejabat Perpaduan Daerah. Lokaliti baru yang dipilih akan dimaklumkan kepada KKM dan ibu pejabat JPNIN melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan JPNIN negeri.
- x. Sila rujuk carta alir 1.

PEMILIHAN LOKALITI

Ciri-ciri lokaliti komuniti / KRT yang berpotensi yang menjalankan aktiviti KOSPEN-RT adalah seperti di bawah

01

Komuniti yang mempunyai penduduk dengan kepimpinan yang boleh memberikan kerjasama berterusan.



02

Komuniti yang aktif




03

Komuniti yang telah sedia ada kemudahan prasarana yang diperlukan seperti Balai Raya, Dewan Orang Ramai, Gym Rakyat, ICT dan lain-lain.



Carta alir 1: Pemilihan Lokaliti dan pelaksanaan KOSPEN-RT



TUJUH SKOP KOSPEN

1. AMALAN PEMAKANAN SIHAT

OBJEKTIF UMUM	Meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam amalan pemakanan sihat.
OBJEKTIF KHUSUS	<ol style="list-style-type: none"> 1) Meningkatkan pengetahuan dan amalan komuniti mengenai: <ol style="list-style-type: none"> i) Konsep Suku Suku Separuh ii) Pembacaan dan pemahaman maklumat label makanan iii) Kawalan pengambilan gula dan garam dalam makanan dan minuman 2) Meningkatkan penggunaan Aplikasi <i>MyNutriDairi II</i> di kalangan komuniti. 3) Menerapkan dan menggalakkan amalan polisi pemakanan sihat di majlis-majlis di lokaliti. 4) Menggalakkan komuniti memilih kedai makan yang lebih sihat.

AKTIVITI

-  Mengadakan aktiviti advokasi / promosi konsep Pinggan Sihat Malaysia, kesedaran kalori harian serta aktiviti kesedaran kawalan pengambilan garam dan gula di peringkat komuniti.
-  Mengadakan aktiviti advokasi *MyNutriDiari II*.
-  Menjalankan kembara pemakanan sihat di pasaraya/ kedai runcit/ pasar / tamu.
-  Menjalankan aktiviti membaca label makanan.
-  Memastikan pematuhan menu sihat semasa majlis rasmi di lokaliti.
-  Inisiatif Kedai Makan Pilihan KOSPEN-RT.


2) HIDUP YANG AKTIF

OBJEKTIF UMUM	Untuk memberikan maklumat dan pengetahuan kepada komuniti mengenai gaya hidup yang sihat dan aktif.
OBJEKTIF KHUSUS	<ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang aktiviti fizikal dan senaman. Mengaktifkan komuniti menggunakan trek 10,000 langkah / padang / pusat riadah / pusat kecergasan di lokasi setempat untuk kekal aktif. ii. Membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat

AKTIVITI

-  Mempromosi dan menggerakkan komuniti setempat agar aktif melakukan aktiviti fizikal atau senaman sebagai satu langkah pencegahan penyakit tidak berjangkit.
-  Memilih lokasi sesuai untuk pembinaan trek 10,000 langkah dan mempromosikan aktiviti berjalan kaki di trek tersebut.
-  Menyelaras perlaksanaan aktiviti fizikal yang berjadual dan berterusan di lokaliti serta mempromosikan penyertaan komuniti.
-  Menyelaras pelaksanaan aktiviti *outdoor* di lokaliti serta mempromosikan penyertaan komuniti.

Carta Alir 2: Ringkasan pelaksanaan aktiviti Hidup Yang Aktif



3) PENGURUSAN BERAT BADAN

OBJEKTIF UMUM	Pelaksanaan Program Pengurusan Berat Badan di peringkat komuniti KOSPEN-RT ke arah mengawal faktor risiko berlebihan berat badan dan obesiti.
OBJEKTIF KHUSUS	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan Program Pengurusan Berat Badan KOSPEN-RT mencapai sasaran yang ditetapkan. ii. Memudahkan cara penerapan aktiviti Program Pengurusan Berat Badan ke dalam aktiviti komuniti JPNIN sedia ada.

AKTIVITI



Mengenalpasti peserta Program Pengurusan Berat Badan melalui aktiviti saringan komuniti.



Menyelaras / menjalankan Program Pengurusan Berat Badan.



Setiap lokaliti digalakkan mewujudkan sudut pemeriksaan Indeks Jisim Tubuh (BMI) kendiri.


4) AMALAN TIDAK MEROKOK

OBJEKTIF UMUM	Memberikan maklumat dan pengetahuan dalam kalangan sukarelawan berkaitan dengan produk hasil tembakau dan kesannya.
OBJEKTIF KHUSUS	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pengetahuan tentang produk hasil tembakau serta pencegahan amalan merokok dalam kalangan semua peringkat umur komuniti. ii. Menggalakkan perokok untuk berhenti merokok. iii. Memberi panduan dan nasihat berkaitan kaedah berhenti merokok. iv. Menerangkan konsep persekitaran bebas asap rokok. v. Memaklumkan kepada komuniti tentang hukum merokok dalam Islam.

AKTIVITI

	<ul style="list-style-type: none"> i. Membantu Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) memantau semua tempat larangan merokok di dalam komuniti mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada. Kaedah bagi memaklumkan sebarang pelanggaran peraturan kepada pihak PKD adalah melalui talian <i>Whatsapp</i> yang akan disediakan atau maklumkan melalui apa-apa kaedah yang ditentukan oleh pihak PKD.
	<ul style="list-style-type: none"> ii. Memastikan pelaksanaan inisiatif Rumahku Bebas Asap Rokok (RBAR) di dalam lokaliti KOSPEN-RT.
	<ul style="list-style-type: none"> iii. Menggalakkan inisiatif Majlis Bebas Asap Rokok (MajBAR) semasa majlis dianjurkan di dalam lokaliti KOSPEN-RT.
	<ul style="list-style-type: none"> iv. Menyampaikan pengetahuan dan kesedaran tentang bahayanya amalan merokok dan produk tembakau di semua peringkat umur.
	<ul style="list-style-type: none"> v. Menasihatkan dan merujuk perokok yang bersedia untuk berhenti merokok ke perkhidmatan berhenti merokok, seperti Klinik Berhenti Merokok (KBM) dan Programm <i>Quit</i>.

Carta Alir 3: Carta Alir Pelaksanaan Komuniti Bebas Asap Rokok (KBAR)



5) MINDA SIHAT

OBJEKTIF UMUM

Memberikan kesedaran dan pengetahuan berkenaan kesihatan mental dan pengesanan awal masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat.

OBJEKTIF KHUSUS

- i. Mempromosikan kepentingan kesihatan mental.
- ii. Membantu mengurangkan stigma masalah kesihatan mental.
- iii. Menjalankan saringan minda sihat.
- iv. Melakukan intervensi minda sihat.
- v. Membuat rujukan bagi klien berdasarkan skor saringan minda sihat.

AKTIVITI



Mempromosikan kesihatan mental dan kepentingannya dalam kalangan komuniti



Menjalankan saringan minda sihat dan membuat rujukan kes yang mematuhi kriteria rujukan.



Intervensi mudah bagi kes-kes yang mempunyai SKOR saringan yang ringan.

6) PENCEGAHAN KEMUDARATAN ALKOHOL

OBJEKTIF UMUM	Memberikan maklumat dan pengetahuan tentang bahaya kemudaratan alkohol dan melakukan saringan pengambilan alkohol seterusnya melakukan intervensi awal yang bersesuaian.
OBJEKTIF KHUSUS	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi panduan dan nasihat berkaitan pengambilan alkohol dan kemudaratannya. ii. Melaksanakan saringan penggunaan alkohol di komuniti dengan menggunakan borang soal selidik AUDIT-C. iii. Mengenal pasti tahap penggunaan alkohol dalam komuniti yang disaring. iv. Membuat rujukan bagi klien berdasarkan skor AUDIT-C.

AKTIVITI

-  i) Penyampaian maklumat kemudaratan pengambilan alkohol.
-  ii) Menjalankan aktiviti saringan komuniti.
-  iii) Menyampaikan pendidikan kesihatan dan membuat rujukan kes yang mematuhi kriteria rujukan ke klinik kesihatan.


7) SARINGAN KESIHATAN

OBJEKTIF UMUM	Memberikan maklumat dan pengetahuan kepada komuniti tentang penyakit tidak berjangkit serta langkah mencegahnya.
OBJEKTIF KHUSUS	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pendidikan kesihatan asas berkaitan penyakit tidak berjangkit, faktor risikonya serta langkah pencegahan yang berkaitan. ii. Mempromosi kepentingan pengesanan awal penyakit tidak berjangkit untuk perawatan awal dan mencegah komplikasi. iii. Berkebolehan menjalankan ujian saringan BMI, paras glukos darah, tekanan darah, status merokok, kesihatan mental dan status pengambilan alkohol. iv. Mengetahui kriteria dan prosedur rujukan. v. Merujuk peserta yang dikesan berpotensi berpenyakit NCD ke klinik kesihatan berdekatan mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk tujuan pengesahan.

AKTIVITI

	<ol style="list-style-type: none"> 1) Memberi pendidikan asas tentang NCD dan faktor risikonya serta langkah pencegahannya: <ul style="list-style-type: none"> i) Kepada ahli keluarga. ii) Komuniti setempat - gabungan dengan aktiviti / program sedia ada seperti ceramah di surau, kelas agama, kelas masakan, kelas tadika, perjumpaan komuniti.
	<ol style="list-style-type: none"> 2) Mempromosikan kepentingan ujian saringan kepada ahli komuniti.
	<ol style="list-style-type: none"> 3) Menjalankan saringan komuniti dan rujukan kes berisiko. <ul style="list-style-type: none"> i) Tempat khas - balai raya ii) Lawatan ke rumah iii) Karnival iv) Aktiviti komuniti - kenduri, perjumpaan ahli komuniti

Carta Alir 4: Carta Alir Pengurusan Aktiviti



PEMANTAUAN PROGRAM

01

Pemantauan program merupakan salah satu komponen penting di dalam KOSPEN-RT. Ianya bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti KOSPEN-RT yang dijalankan.

04

PKD juga akan melaporkan ke Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), seterusnya dari JKN ke peringkat Ibu Pejabat KKM secara berkala. Salinan laporan akan diberikan kepada KPN dan Ibu Pejabat JPNIN mengikut keperluan.

02

Sukarelawan perlu menghantar laporan pelaksanaan aktiviti menggunakan format pelaporan yang disediakan kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

03

PKD akan membuat analisa pencapaian pelaksanaan peringkat daerah dan dibentangkan kemesyuarat AJK peringkat daerah.

COMBI

COMBI adalah singkatan dari *Communication for Behavioural Impact* untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku dalam kalangan individu, keluarga dan komuniti. Program ini telah diasaskan oleh *World Health Organization* (WHO) pada 2001 dan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

COMBI dibangunkan berdasarkan teori-teori perubahan tingkah laku, komunikasi dan pemasaran. Pendekatan yang menyeluruh lagi fleksibel dalam merancang, melaksana dan memantau tindakan-tindakan mobilisasi sosial dan komunikasi yang boleh diubahsuai mengikut objektif-objektif tingkah laku yang telah dipilih.

OBJEKTIF COMBI



01

Menggerakkan pelbagai sektor komuniti untuk menangani isu denggi dalam komuniti.

02

Mewujudkan tanggungjawab bersama dalam komuniti.

03

Mempengaruhi serta mengukuhkan keputusan/tingkah laku/ norma sosial dalam komuniti.

FAEDAH PROGRAM COMBI



KUMPULAN SASAR

Projek COMBI merupakan satu pendekatan yang berorientasikan daripada komuniti untuk komuniti. Kumpulan sasar bagi pelaksanaan projek ini adalah berpandukan kepada situasi dan lokaliti yang pernah berlaku kejadian wabak sama ada:

- 1 Wabak berulang
- 2 Wabak tidak terkawal
- 3 Lokaliti wabak
- 4 Lokaliti yang pernah berlaku kejadian kes
- 5 Lokaliti yang mempunyai Indeks Entomologi tinggi
- 6 Lokaliti yang sukarela untuk menubuhkan projek COMBI

BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM COMBI, LIMA (5) PRINSIP ASAS YANG MENGGUNAKAN STRATEGI KOMUNIKASI SECARA BERSEPADU HENDAKLAH DIAMALKAN IAITU:



PENDEKATAN COMBI



KOMUNIKASI

SAMPAIKAN
MAKLUMAT
KESIHATAN

TINGKAHLAKU

MENCARI DAN
MEMUSNAHKAN
AEDES

AKTIVITI COMBI

Pemeriksaan sendiri tempat pembiakan oleh penghuni rumah setiap minggu, 10 minit setiap sesi. Ia dijalankan melalui aktiviti pengedaran borang pemeriksaan mingguan

Pemeriksaan tempat pembiakan berpotensi di persekitaran lokaliti oleh sukarelawan

Promosi merangkumi ceramah, perbincangan kumpulan kecil, hebahan menerusi siaraya / media / media sosial, pameran, tunjukcara, pemasangan kain rentang / sepanduk / gegantung / papan iklan, pengedaran risalah / poster dan sebagainya.


Mengadakan aktiviti gotong-royong dan pembersihan kawasan.



Kesemua aktiviti ini akan dijalankan secara bersepada, serentak serta berulang-ulang bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang Denggi



PERANAN SUKARELAWAN COMBI



- 1 AGEN KOMUNIKASI
- 2 BERTINDAK PROAKTIF
- 3 MENCEGAH DAN MENGHAPUSKAN TEMPAT PEMBIAKAN DENGGI
- 4 DUTA ANTI DENGGI

PENILAIAN PROGRAM COMBI



Pengurangan kes denggi / wabak / hotspot

Masalah yang menyumbang kepada denggi dapat diatasi

Edaran borang soal selidik kepada komuniti secara atas talian.

Lampiran 1

**BORANG PENILAIAN PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN
BERKENAAN DENGGI BAGI PROGRAM COMBI-LA21**

1.	Nama penemuduga				
2.	Tarikh temuduga				
3.	Nama zon				
4.	Alamat rumah				
5.	Maklumat responden :				
	i. Nama				
	ii. Umur				
	iii. Pekerjaan				
	iv. Bilangan ahli keluarga				
	v. Tahap pendidikan	Tiada pendidikan	<input type="checkbox"/>		
		Pendidikan sekolah rendah	<input type="checkbox"/>		
		Pendidikan sekolah menengah	<input type="checkbox"/>		
		Maktab/Kolej/Universiti	<input type="checkbox"/>		
6.	Penyakit demam denggi adalah disebabkan oleh nyamuk Aedes.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak tahu <input type="checkbox"/>	
7.	Nyamuk pembawa demam denggi membiak dalam air jernih yang statik	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak tahu <input type="checkbox"/>	
8.	Kitaran hidup nyamuk daripada telur sehingga dewasa mengambil masa satu minggu.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak tahu <input type="checkbox"/>	
9.	Nyatakan samaada tanda-tanda berikut adalah benar atau tidak benar berkenaan demam denggi.		Benar <input type="checkbox"/>	Tidak benar <input type="checkbox"/>	Tidak tahu <input type="checkbox"/>
		Demam kuat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		Pening/ sakit kepala yang teruk	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		Cirit-birit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		Sakit otot-otot, tulang dan sendi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		Pendarahan pada badan, hidung dan mulut	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		batuk	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		Ruam/ bintik-bintik merah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

10.	Seseorang yang didapati membaki nyamuk Aedes akan dikompaun serta-merta di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2006). Berapakah jumlah kompaun yang dikenakan?	Percuma <input type="checkbox"/>
		RM50 <input type="checkbox"/>
		RM200 <input type="checkbox"/>
		Tidak melebihi <input type="checkbox"/>
		RM500 <input type="checkbox"/>
		Tidak tahu <input type="checkbox"/>
11.	Adakah anda pernah menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
12.	Adakah anda pernah menukar air dalam bekas simpanan air setiap minggu?	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
13.	Adakah anda pernah memeriksa semua bekas simpanan air di dalam dan luar rumah (seperti kolam air, alas pasu bunga, alas peti sejuk dan sebagainya)?	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
14.	Adakah anda pernah membubuh ubat jentik-jentik ke dalam bekas simpanan air pada setiap 3 bulan?	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
15.	Adakah anda membenarkan pasukan kesihatan melakukan semburan pengasapan (fogging) di rumah anda sekiranya ada kes denggi di kawasan kediaman anda?	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
16.	Sentiasa menutup bekas simpanan air.	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
17.	Membersihkan bekas simpanan air setiap minggu dan menggosok bekas-bekas tersebut sebelum diisi semula.	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
18.	Membubuh abate ke dalam bekas-bekas simpanan air di rumah.	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
19.	Memasukkan bekas-bekas yang boleh menakung air (seperti tin-tin, botol-botol, kosong dan sebagainya) ke dalam plastik sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
20.	Memeriksa rumah sekali seminggu dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk.	Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>

(Nota : Borang adaptasi dari Garis Panduan Pelaksanaan Program COMBI Kementerian Kesihatan Malaysia)

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA “HAPUS AEDES, CEGAH DENGGI”

Lampiran 2

Maklumat Asas
(Basic information)

Nama pemeriksa :

Inspector name

Alamat rumah :

Address

Tarikh pemeriksaan :

Date of inspection

Zon JPP :

JPP Zone

SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN RUMAH SETIAP SABTU ATAU AHAD SELAMA 10 MINIT.

(Checklist for house inspection every Saturday or Sunday for 10 minutes)

- a) Tandakan (v) di ruang 3 jika tempat yang dinyatakan terdapat di rumah/kawasan rumah anda dan diperiksa dan jawab di ruang 6 bagi tindakan yang telah diambil.
- b) Tandakan (X) di ruang 4 jika tempat tersebut tiada terdapat di rumah / kawasan rumah anda dan ruang 6 dibiarkan kosong.

(a) Mark (v) in column 3 if the listed places are found and inspected in your house / compound. Mark (v) in column 6 for actions you have taken.

(b) Mark (X) in column 4 if the listed places are not found in your house or in your compound and leave column 6 empty.

1	2	3	4	5	6
TEMPAT DIPERIKSA / PLACES INSPECTED		Ada Yes	Tiada No	TINDAKAN YANG MESTI DIAMBIL / ACTION TO BE TAKEN	
Talam Peti Sejuk / <i>Fridge Water Tray</i>				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
Pelapik Rak Pinggan / <i>Draining Tray</i>				Buang air yang bertakung / <i>Drain away the water</i>	
				Tidak menggunakan pelapik / <i>Don't use draining tray</i>	
Perangkap Semut / <i>Ant Trap</i>				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
				Bubuh garam / <i>Put salt</i>	

1	2	3	4	5	6
TEMPAT DIPERIKSA / PLACES INSPECTED		Ada Yes	Tiada No	TINDAKAN YANG MESTI DIAMBIL / ACTION TO BE TAKEN	
Kolah Air / Water Storage				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
Pam Tandas / Cistern				Tutup dengan rapat / <i>Close the lid tightly</i>	
				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
				Jika rosak baiki segera / <i>If spoilt repair it immediately</i>	
Mangkuk Tandas Yang Rosak / Non-functioning Toilet Bowl				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
				Jika rosak baiki segera / <i>If spoilt repair it immediately</i>	
Tong Drum Yang Berisi Air / Drum Filled With Water				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i>	
				Buang dan lupuskan jika tidak digunakan / <i>Throw away and dispose off if not in use</i>	
				Telangkupkan atau terbalik supaya tidak menakung air / <i>Overtum it so that it will not hold water</i>	
Baldi / Pail				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Tutup dengan rapat / <i>Close the lid tightly</i>	
				Telangkupkan atau terbalik supaya tidak menakung air / <i>Overtum it so that it will not hold water</i>	
Tempayan / Earthern Jar				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i>	
				Tutup dengan rapat / <i>Close the lid tightly</i>	
				Telangkupkan atau terbalik supaya tidak menakung air / <i>Overtum it so that it will not hold water</i>	

1	2	3	4	5	6
TEMPAT DIPERIKSA / PLACES INSPECTED		Ada Yes	Tiada No	TINDAKAN YANG MESTI DIAMBIL / ACTION TO BE TAKEN	✓
Bekas Jambangan Bunga / Vase				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i> Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i> Tidak membubuh air tetapi membalut tangkai bunga dengan kapas atau kertas basah / <i>Wrap with wet cotton and not using water</i>	
Pasu Bunga / Flower Pot				Gemburkan tanah setiap minggu / <i>Loam the earth weekly</i>	
Alas Pasu Bunga / Flower Pot Plate				Berus dan cuci setiap minggu / <i>Brush and clean weekly</i> Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i> Tidak menggunakan alas pasu bunga / <i>Do not use flower pot plate</i>	
Pelbagai Jenis Tin / Assorted Empty Cans				Kumpulkan dan lupuskan dengan sempurna / <i>Collect and dispose properly</i> Letak di tempat terlindung dari hujan / <i>Place in the shed</i>	
Tayar / Tyre				Letak di tempat terlindung dari hujan / <i>Place in the shed</i> Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik / <i>Put larvicide</i> Susun dan tutup rapat di bahagian atas	
Kanvas, Semua Jenis Plastik / Canvas and All Type of Plastic				Buang air yang bertakung / <i>Drain away the water</i> Lipat dan letak ditempat terlindung dari hujan / <i>Fold and place in the shed</i>	
Bekas Minuman Binatang / Receptables For Animal Drink				Berus, cuci dan salin airnya setiap minggu / <i>Brush, clean and replace the water weekly</i>	

1	2	3	4	5	6
TEMPAT DIPERIKSA / PLACES INSPECTED		Ada Yes	Tiada No	TINDAKAN YANG MESTI DIAMBIL / ACTION TO BE TAKEN	
Tin Rendam Berus Cat / <i>Tin for Cleaning of Paint Brush</i>				Kosongkan airnya / Remove the water Berus, cuci dan salin airnya setiap minggu / <i>Brush, clean and replace the water weekly</i> Letak di tempat terlindung dari hujan / Place in the shed	✓
Alatan Rumah Yang Rosak / <i>Broken Household Items</i>				Kumpulkan dan lupuskan dengan sempurna / <i>Collect and dispose properly</i> Letak di tempat terlindung dari hujan / Place in the shed	
Parit Sekeliling Bangunan / <i>Drains Surrounding The Building</i>				Cuci dan bersihkan setiap minggu / <i>Wash and clean it weekly</i> Pastikan air mengalir lancar / <i>Make sure the water flows smoothly</i>	
Salur Air Hujan / <i>Rain Gutter</i>				Ganti atau baiki yang rosak / <i>Replace or repair the non-functioning gutter</i> Tanggalkan / Remove (do away with the gutter) Pastikan tidak tersumbat / Make sure it is not clogged	
<p>Ubat pembunuh jentik-jentik jenis 'Temephos' adalah selamat digunakan, ia boleh dibeli dari kedai-kedai 'hardware' dan pasaraya. <i>Larvicide 'Temephos' is safe to use and can be purchased at all leading hardware stores and supermarket.</i></p>					
SENARAIKAN TEMPAT LAIN YANG DIPERIKSA / LIST OTHER PLACES INSPECTED			TINDAKAN YANG DIAMBIL / ACTIONS TAKEN		
<small>Nota : Borang adaptasi dari Garis Panduan Pelaksanaan Program COMBI Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH/K/EPI/45.05(GU) 2005</small>					
Nama SUKEP :					

Lampiran 3

Barang COMBI

**LAPORAN BULANAN COMBI KAWASAN RUKUN TETANGGA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Nama RT : _____ [1]
 Nama Lokaliti COMBI _____ [2]

Bulan : _____ [3] Tahun : _____ [4]

BIL [5]	TARIKH AKTIVITI [6]	TEMPAT AKTIVITI [7]	BUTIRAN AKTIVITI [8]	KEHADIRAN [9]	CATATAN [10]

BILANGAN AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN BERKAITAN COMBI YANG DIJALANKAN (Nyatakan Bilangan) [11]

GOTONG-ROYONG [11a]	CERAMAH [11b]	PAMERAN [11c]	KEMPEN [11d]	RISALAH DIEDAR [11e]	POSTER DIEDAR [11f]	BUNTING DIPASANG [11g]	KAIN RENTANG DIPASANG [11h]

Laporan disediakan oleh :

Nama Pelapor : No Tel :
 E-Mel : Tarikh :



perpaduannegara



PerpaduanNegara



@PerpaduanNegara

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 -10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my

